**Fokus: Negeri Keusahawanan & Berkebajikan** MS 1, 3, 7, 11,14,15 & 16

**Buktikan fakta risalah, gesa Exco** MS 7



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 28 FEBRUARI, 2018

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Negeri Keusahawanan dan Berkebajikan

## dilaksana menerusi pentadbiran Cekap, Akauntabiliti & Telus kongsi bersama-sama rakyat

**SEJAK** 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyalurkan bantuan kewangan melalui kepelbagaian program kebajikan kepada rakyat membabitkan peruntukan sebanyak RM412 juta.

Malah, saban tahun, Kerajaan Negeri senantiasa menambah baik pelaksanaan program-program tersebut atau lebih dikenali sebagai Program Emas.

Menurut Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, perkara pertama yang dilakukan oleh pentadbiran negeri apabila mengambil alih tampuk pemerintahan adalah mewujudkan perangkaian atau '*networking*' antara kerajaan dan rakyat.

**"Sememangnya tidak boleh dinafikan, Kerajaan Negeri sejak 2008 sentiasa membantu rakyat...hampir semua lapisan rakyat hari ini menikmati pelbagai bantuan kewangan melalui Program-program Emas.**

**"(Dan) ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai peranan dan berjasa dalam menjaga soal kebajikan rakyatnya secara berterusan, malah, adalah menjadi hasrat kita (Kerajaan Negeri) untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Keusahawanan dan Berkebajikan,"** ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** di pejabatnya di Komtar baru-baru ini.

### Pengalaman

Tidak pernah lokek berkongsi cerita, Boon Poh turut berkongsi bagaimana sukarnya memulakan sesuatu program kebajikan.

"Program pertama adalah Bantuan Kewangan Miskin Tegar bagi memastikan Pulau Pinang sentiasa berada dalam status miskin tegar sifar. Waktu itu, kita (Kerajaan Negeri) menggunakan PGK (Pendapatan Garis Kemiskinan) RM500 bagi setiap keluarga sebulan.

"Kemudiannya ditambah baik termasuk faedahnya melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dengan PGK yang ditetapkan adalah RM790 sebulan dengan minimum sumbangan adalah RM100 dan maksimum RM790.

"Seterusnya, satu-persatu program diperkenalkan seperti Program Penghargaan Warga Emas (mulai 2018, dinaikkan kepada RM130 setiap penerima); Program Bantuan OKU (turut dinaikkan kepada RM130 bagi tahun ini daripada RM100); Program Bantuan Ibu Tunggal (RM100); Program Skim Pelajar Emas (RM100); Program Anak Emas (RM200); Program Ibu Emas (RM100) dan khairat kematian bagi warga emas serta ibu tunggal berdaftar (RM1,000).

"Semua program ini dapat dilaksanakan kerana pentadbiran CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) dan bersih, serta tanpa mengenakan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) pun... membolehkan kita (Kerajaan Negeri) berkongsi sama rakyat," katanya.

Selain itu, beliau turut akan memastikan setiap permohonan diteliti dan diluluskan termasuk sama ada penerima layak serta berdaftar menerima sumbangan yang diberikan.

### Perancangan Masa Depan

Apabila ditanya apakah perancangan masa hadapan, Boon Poh memberitahu bahawa beliau berhasrat untuk mewujudkan pusat pelindungan gelandangan.

"Gelandangan ini merupakan isu yang rumit tetapi boleh ditangani dengan mengembalikan semula maruah mereka, memastikan mereka terbela serta menyediakan (pusat) perlindungan asas untuk mereka.

"Buat masa ini, kita hanya memberikan makanan dan juga selimut atau pakaian kepada gelandangan kerana mereka adakala tidak mempunyai pilihan selain hanya melelapkan mata di kawasan-kawasan awam dan kaki lima.

"Disebabkan itulah, saya berhasrat sekiranya segalanya berjalan lancar, pusat perlindungan untuk golongan ini akan diwujudkan," ujarnya yang turut mengharapkan supaya lebih ramai aktivis hak asasi manusia dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) tampil membantu golongan berkaitan.

*(Rujuk juga muka 3, 7, 11, 14, 15 dan 16).*



**PHEE Boon Poh.**

# Komited pulihara Makam Dato' Koyah, dana tambahan disumbang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Dalam menyiapkan kerja-kerja landskap fasa akhir makam ulama terkenal, Dato' Koyah dekat Jalan Transfer di sini, Kerajaan Negeri baru-baru ini menyalurkan dana tambahan bagi tujuan tersebut.

Sumbangan disampaikan melalui Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim yang masing-masingnya berjumlah RM30,000.

Kon Yeow dalam ucapannya berkata, pemulihan semula bangunan Makam Dato' Koyah yang pernah terkenal suatu ketika dahulu perlu melalui beberapa cabaran hebat.

"Perjalanan projek pemulihan bangunan Makam Dato' Koyah ini merupakan perjalanan yang hebat dan mencabar sejak 2014.

"Saya percaya usaha yang dilakukan Persatuan Dato' Koyah ini sungguh bermakna, maka hari ini kita menuai hasilnya," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota ketika mengadakan lawatan ke makam berkaitan di sini 8 Februari lalu.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) dan Abdul Malik Abul Kassim ketika mengadakan lawatan ke Makam Dato' Koyah dekat Jalan Transfer di sini baru-baru ini.

Hadir sama Pengerusi Persatuan Dato' Koyah, Abdul Rashid Masooth; ahli- ahli persatuan; wakil-wakil dari ThinkCity Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan *George Town World Heritage Incorperated* (GTWHI).

Tahun lalu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menyampaikan sumbangan RM100,000 bagi tujuan pemulihan berkenaan.

Lanjutan itu, Abdul Malik ketika berucap memberitahu, keputusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) memberi hak kepada Persatuan Dato' Koyah bukanlah satu keputusan yang silap kerana ia berjaya melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

"Terima kasih juga diucapkan kepada pihak ThinkCity... saya berharap selepas dibuka kepada umum (dijangka Jun ini), ianya mampu menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Bagi MAINPP pula, kami harap persatuan dapat memelihara tempat ini daripada tujuan negatif seperti amalan khurafat dan sebagainya," serunya.

Dalam pada itu, Abdul Rashid memberitahu, kos pemulihan bangunan makam berkenaan menelan belanja kira-kira RM1.2 juta.

"Kos adalah sedikit tinggi dan memakan masa hampir empat tahun berikutan kesukaran mendapat bekalan mentah untuk kerja-kerja pemulihan seperti kapur, bata khas, serbuk marmar, kayu cengal emas berusia 100 tahun ke atas serta teknik pembinaan yang agak sukar bagi membolehkan status warisan Kelas Satu terpelihara sebagaimana disyaratkan pihak UNESCO," ujarnya.

# GTF kembali, mulai 4 Ogos hingga 2 September

**GEORGE TOWN -** Masuk tahun kesembilan, Festival George Town (GTF) 2018 kembali lagi dengan lebih banyak acara berprestij di negeri ini mulai 4 Ogos hingga 2 September ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap acara tahunan itu mampu melonjakkan lagi keunggulan Pulau Pinang sebagai bandar raya pintar serta tempat penjanaan inspirasi kebudayaan setempat dan serantau.

"Seni, kebudayaan dan warisan memainkan peranan besar untuk sebuah bandar yang beraspirasi untuk menjadi satu bandar raya (bertaraf) antarabangsa dan pintar.

"Dengan adanya satu pusat untuk seni dan kebudayaan telah dikenal pasti sebagai faktor kejayaan yang kritikal, bukan sahaja untuk membina sebuah bandar raya bertaraf global, malah juga usaha penjanaan kegiatan ekonomi secara kreatif, inovatif serta produktif.

"Oleh itu, George Town berikhtiar meneruskan perjalanan untuk menjadi pusat kesenian, kebudayaan dan warisan yang cemerlang di tanah air Malaysia.

"George Town akan menjadi bandar raya berfestival untuk semua, yang mana budaya dan seni boleh dinikmati oleh semua lapisan rakyat," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Selain Joe Sidek, hampir semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sertai sidang media promosi GTF 2018 itu.

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri berterima kasih kepada kurator dan pengarah festival, Joe Sidek kerana dalam tempoh lapan tahun ini dilihat berjaya mengangkat sebuah festival tempatan sehingga dikenali di rantau ini, sekarang.

"Encik Joe Sidek merupakan orang utama daripada segi kreativiti, yang telah mengembangkan festival ini semenjak lapan tahun lalu, dan kami (Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang amatlah berbangga GTF sebagai acara keluaran orang tempatan," ujarnya.

Bercakap pada sidang media sama, Joe Sidek menyatakan bahawa tiap-tiap tahun, GTF menggalakkan semua pihak berkepentingan supaya menghantar kertas cadangan melalui internet atau '*calls for proposals*'.

Menurutnya, proses penghantaran proposal cadangan bagi GTF 2018 dibuka oleh pihak pengurusan festival sehingga akhir bulan Oktober tahun lepas.

"Sehingga kini, hampir 200 kertas cadangan telahpun diterima dari dalam dan luar negara, dan kami percaya lebih banyak lagi kertas cadangan dihantar masuk sepanjang minggu terakhir bulan Januari (lepas)," jelasnya.

Joe Sidek sekali lagi menjelaskan bahawa tujuan penganjuran GTF adalah untuk membawa seni kepada orang awam, dengan mengekalkan satu taraf yang tinggi untuk acara-acara percuma.

"Untuk acara-acara bertiket, harga tiket yang ditetapkan adalah rendah, ertinya hasil jualan tiket hanya dapat membiayai sebahagian yang amatlah kecil terhadap perbelanjaan festival," katanya.

Layari *georgetownfestival.com* untuk mendapatkan maklumat lanjut atau tempahan tiket.




Oleh: **ME**

# Insentif pemandu teksi & operator bas, tanda kepedulian dan penghargaan Kerajaan Negeri



SEBAHAGIAN pemandu teksi dan operator bas sekolah menunjukkan tanda bagus atas insentif diterima.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi dan Operator Bas Sekolah Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PANTAI JEREJAK -** Kerajaan Persekutuan disaran supaya memberi insentif kepada pemandu teksi sebagai tanda penghargaan kepada golongan berkaitan yang turut memacu pembangunan sektor pelancongan negara.

Saranan tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi dan Operator Bas Sekolah Pulau Pinang di sini 29 Januari lalu.

Guan Eng berkata, pemberian insentif khas tahunan sebanyak RM600 tersebut adalah sebagai tanda kepedulian dan penghargaan Kerajaan Negeri kepada golongan berkaitan yang wajar dicontohi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri lain.

"Ini adalah sebahagian penghargaan daripada pihak Kerajaan Negeri kepada semua pemandu teksi dan operator bas sekolah kerana memberikan perkhidmatan baik.

"Kita (Kerajaan Negeri) tahu hargai pemandu teksi dan operator bas sekolah bukan hanya dengan ucapan terima kasih sahaja, tetapi dengan pemberian (insentif) wang.

"Pemandu-pemandu teksi seluruh Malaysia tahu bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang sahaja yang memberikan insentif ini...langkah ini wajar diikuti mereka (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri lain).

"Tanpa pemandu teksi, sektor pelancongan takkan membangun, kita kena pandai kenang jasa pemandu teksi dan pengusaha bas sekolah," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir); Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) dan Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan).

Pada majlis keraian tersebut, kira-kira 1,702 pemandu teksi dan operator bas sekolah (330) bahagian pulau menerima pemberian insentif pertama berjumlah RM300.

Jumlah keseluruhan pemberian insentif pada kali ini adalah sebanyak RM899,700.

Justeru, dalam nada seloroh, Guan Eng menyatakan bahawa bagi pemandu-pemandu teksi di negeri-negeri jiran yang ingin menikmati insentif yang sama hanya perlu ubah 'Kerajaan'.

"Untuk menikmati insentif ini, sampai ada pemandu teksi di negeri-negeri jiran sanggup mengubah daftar undi... tidak perlu bersusah-payah begitu, apa yang perlu hanya ubah Kerajaan sudah.

"Kalau ubah Kerajaan, kita percaya akan mencontohi apa yang dilaksanakan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang kini.

"Termasuk juga dengan pemansuhan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta menstabilkan kembali harga minyak dan petrol," jelasnya.

## Insentif USD1 juta *Industry 4.0 Seed Fund*, demi memacu pertumbuhan ekosistem teknologi negeri

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini mengumumkan pembiayaan insentif khas berjumlah USD1 juta, *Industry 4.0 (i4) Seed Fund* sebagai modal bantuan permulaan membangunkan teknologi bagi tahun 2018.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, insentif tersebut akan memacukan lagi pertumbuhan ekosistem teknologi di negeri ini.

"Insentif USD1 juta ini adalah untuk merealisasikan potensi yang ada di samping membina, menarik dan merangsang permulaan pembangunan teknologi negeri ini setelah diiktiraf oleh berita BBC, Pulau Pinang sebagai *Asia's Silicon Valley*.

"Tambahan pula, kita (Pulau Pinang) perlu siap siaga menerima perubahan pesat teknologi, dan dana I4 akan membantu perkembangan sektor-sektor lain seperti analisis data besar (BDA), *artificial intelligence* (AI), robotik, teknologi kewangan, pembelajaran perkakasan (*hardwares*) dan mesin, perkomputeran awam dan internet benda (IoT)," ujarnya pada sidang media di sini.

Pulau Pinang sebagai 'negeri perindustrian', mempunyai lebih daripada 300 syarikat multinasional serta 3,000 sokongan tempatan terutama dalam sektor elektronik dan elektrik (E&E).

"Sejak 2008 sehingga Jun tahun lalu (2017), satu pertiga daripada pelaburan sektor E&E negara berada di negeri ini, dan Pulau Pinang menyumbang 8 peratus *output* global bagi produk semikonduktor.

"(Sebab itu), pada 2015, Kerajaan Negeri menubuhkan *@CAT Penang* untuk terus membantu membangunkan ekosistem teknologi di negeri ini termasuk analisis dan teknologi kreatif.

"Selain membelanjakan RM75 juta (sejak 2008) untuk mempromosikan pembelajaran STEM (iaitu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik), termasuk adalah RM6 juta untuk kelas pengekodan untuk 120,000 pelajar sekolah rendah dan menengah terpilih di negeri ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut mengumumkan ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*) dan Jawatankuasa Penilaian (*Evaluation Committee*) bagi menguruskan dana i4 berkenaan.

"Jawatankuasa Pemandu terdiri daripada saya sendiri selaku Pengerusi dan ahlinya Exco Kerajaan Negeri, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir); Dato' Lee Kah Choon (Penasihat Khas kepada Ketua Menteri) dan Dato' Sarul Bahiyah, Pegawai Kewangan Negeri.

"Jawatankuasa ini (Jawatankuasa Pemandu) akan meluluskan polisi dan rangka kerja i4 manakala Jawatankuasa Penilaian akan menentukan kelayakan, kriteria permohonan, mekanisme semakan, terma serta syarat yang berkaitan," umumnya kepada media.

Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian akan mempengerusikan Jawatankuasa Penilaian dengan dibantu oleh 12 ahli lain antaranya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey; Pengarah Program @CAT Penang, Howie Chang; Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera, Cheok Lay Leng; Pengurus Besar PDC Telco, Tang Ching Siang serta beberapa nama besar dalam pelbagai lapangan industri seperti *Vitrox, Motorola, CeedTech, Exabytes, Piktochart, Cytron Technologies, Retaily Analytics* dan *Pearl Maternity Hospital*.



PENERAJU *Cytron Technologies* menunjukkan inovasi robot buatannya sendiri pada sidang media bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

# Lulus RM6.8 juta naik taraf dua rumah pam atasi banjir kilat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOR AFIQAH ZAINUDI**

**PERAI –** Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Tebatan Banjir meluluskan peruntukan berjumlah RM6,760,600 kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk melaksanakan projek tebatan banjir terutamanya di kawasan perindustrian.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, peruntukan itu adalah membabitkan kerja-kerja menaik taraf dua rumah pam, iaitu Rumah Pam Perai A berjumlah RM3,080,600 dan Rumah Pam Perai B (RM3,680,000).

Jelasnya, kawasan perindustrian adalah sangat penting kerana ia menjadi penyumbang serta penggerak utama kepada sektor ekonomi di Pulau Pinang.

"Oleh itu, kawasan industri perlu dijaga dengan baik dari segi kemudahan seperti bekalan elektrik, air, sistem jalan raya dan sistem pengurusan banjir.

"Jadi, kita harap melalui kerja-kerja menaik taraf ini, rumah pam boleh berfungsi dengan lebih efisien sekaligus dapat mengelakkan kawasan rendah di sini berdepan masalah banjir kilat.

"Inilah antara penyelesaian yang diambil Kerajaan Negeri selain melaksanakan lebih banyak projek yang memerlukan peruntukan lebih besar pada masa akan datang," ujarnya pada sidang media semasa lawatannya ke Rumah Pam Perai A, dekat Kawasan Perindustrian di sini 6 Februari lalu.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai dan Pemangku Pengarah Kejuruteraan MPSP, Baderul Amin Abdul Hamid.



**BADERUL Amin Abdul Hamid (kanan sekali) menjelaskan pelan-pelan perancangan berkaitan kepada Chow Kon Yeow (dua dari kanan) dan Prof. Dr. P. Ramasamy (kiri sekali) pada lawatan ke Rumah Pam Perai A di sini baru-baru ini.**

Dalam kejadian banjir pada 4 dan 5 November tahun lepas, Daerah Seberang Perai Utara (SPU) disifatkan sebagai kawasan yang paling teruk terjejas berikutan angin kuat serta hujan lebat lebih 15 jam.

Dalam pada itu, Baderul Amin memberitahu, kerja-kerja menaik taraf yang dicadangkan MPSP adalah melibatkan penambahan dua rumah pam baharu selain menaik taraf mesin mengangkat sampah-sampah sedia ada.

"Rumah pam lama seluas 8.36 kilometer persegi ini mempunyai empat unit pam berkapasiti 3500 liter per saat (L/s), 2 unit pam (1130L/s) dan 4 unit (472L/s).

"Sebanyak 611 kilang di kawasan industri Perai bergantung kepada dua rumah pam ini, tapi mesin yang kita ada tidak berfungsi secara efisien.

"Ini menyebabkan banyak sampah tersangkut sekaligus menaikkan paras air. Jadi, kita perlukan jentera yang lebih cepat untuk mengangkat sampah-sampah ini keluar," jelasnya sambil menzahirkan ucapan terima di atas keprihatinan Kerajaan Negeri meluluskan permohonan peruntukan tersebut.

Kerja-kerja menaik taraf kedua-dua rumah pam tersebut dijangka siap masing-masing pada 18 Jun dan 30 Ogos 2018.

Sebagai rekod, sehingga kini Kerajaan Negeri sudah membelanjakan sebanyak RM27 juta sejak 2008 untuk melaksanakan beberapa projek tebatan banjir di Pulau Pinang.

## Pulau Pinang pertama luluskan pemasangan mandatori WSD

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang menjadi negeri pertama dalam negara meluluskan peraturan yang memerlukan pemaju memasang peranti penjimatan air atau *water saving devices* (WSD) dalam semua projek pembangunan baharu.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd., Dato' Ir. Jaseni Maidinsa melalui kenyataan akhbar pada 30 Januari lalu berkata, Majlis Eksekutif Negeri Pulau Pinang telah meluluskan cadangan PBAPP untuk pemasangan mandatori WSD pada 28 November tahun lalu.



**IR. Jaseni Maidinsa (kiri sekali) dan wakil-wakil PBA menunjukkan contoh WSD pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

"Langkah seterusnya adalah proses perundangan perlu bagi pindaan dan pewartaan, (dan) hanya selepas pewartaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) boleh menguatkuasakan peraturan baharu.

"Pemasangan WSD telah diakui sebagai salah satu langkah pemuliharaan air paling berkesan di dunia, dan negara-negara seperti Australia, Hong Kong, New Zealand, Singapura, United Kingdom dan Amerika Syarikat secara aktif mempromosikan pemasangan WSD ini," ujarnya di sini.

Menurut Jaseni, WSD adalah peranti 'mesra air' yang membolehkan pengguna menjimatkan air secara automatik tanpa sebarang perubahan terhadap rutin harian.

"Pemasangan mandatori WSD dalam semua hartanah baru akan membolehkan lebih banyak isi rumah menjimatkan air dengan usaha minimum dan ciri-ciri automatik WSD ini akan membantu mengurangkan penggunaan domestik per kapita dengan ketara dalam jangka panjang.

"(Selain itu), bangunan juga akan lebih hijau serta mematuhi Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau 2012 selaras dengan dasar 'Pulau Pinang Lebih Bersih Lebih Hijau, Lebih Sihat dan Lebih Selamat.

"Tambahan pula, ketika musim kemarau, WSD secara automatik mengawal penggunaan air untuk memastikan rizab air di Pulau Pinang dapat bertahan sehingga hujan tiba," katanya yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Berhad.

Untuk mencuba WSD, sila lawati Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP terdekat dan ambil kit penjimatan yang mengandungi 'penyaring' penjimatan air secara percuma.

## Ekonomi ada 'pertumbuhan', namun rakyat tidak dapat rasai, KM gesa Pusat bertindak tegas




**ILUSTRASI grafik.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mahu Kerajaan Pusat memberi perhatian yang sewajarnya terhadap kenaikan harga barang.

Beliau berkata demikian sambil merujuk kepada kenyataan Pengarah Urusan Mydin Holdings Bhd., Datuk Ameer Ali Mydin yang disiarkan di sebuah laman portal online bertarikh 5 Februari lalu yang menyentuh tentang kenaikan harga barang di negara ini.

"Sungguhpun kita lihat pembangunan ekonomi baik, namun harga barang untuk orang bawah, kita tak rasai ekonomi tumbuh dengan begitu baik.

"Contohnya kubis, naik 29 peratus, ikan kembung hitam 20 peratus, sos cili 39 peratus dan sardin naik 31 peratus," jelasnya pada sidang media di sini 11 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Menurut Guan Eng, situasi tersebut membuktikan bahawa sungguhpun ekonomi dikatakan tumbuh baik seperti yang dinyatakan Kerajaan Pusat, namun rakyat tidak merasainya.

"Rakyat tidak cukup wang belanja kerana Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)... dan itulah saya nak Pusat jawab tentang hal ini.

"Ia (kenaikan harga barang) menjejaskan orang bawah, saya nak satu tindakan tegas diambil, ini satu isu besar," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Tambah Guan Eng, antara penyelesaian yang boleh diambil ialah dengan menghapuskan GST.

"Kerajaan Pakatan Harapan sememangnya berhasrat menghapuskan GST sambil mengekalkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) apabila menguasai Putrajaya.

# Modal insan pemangkin masa depan negeri, mahasiswa diseru pulang berbakti

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**GEORGE TOWN** - Pembangunan modal insan dalam kalangan anak-anak muda terutamanya golongan mahasiswa menjadi aset kepada kemajuan masa depan negeri, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng berkata, selepas 10 tahun memerintah, Kerajaan Negeri terus memberikan penekanan kepada pembangunan modal insan bagi memastikan negeri terus kekal berdaya saing memandangkan Pulau Pinang tidak mempunyai sumber-sumber semula jadinya sendiri.

"Seperti yang kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) laksanakan kini, pemberian *one-off* sumbangan daftar masuk universiti sebanyak RM1,000 bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak (RM1,200) diharap dapat menggalakkan anak-anak jati Pulau Pinang untuk kembali berkhidmat di sini.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan pastikan anda mempunyai peluang pekerjaan apabila kembali kelak, kerana tidak ada guna jika panggil anda pulang tetapi tidak mempunyai pekerjaan yang mencukupi...saya rasa itu lebih penting.

"Malah, sepanjang tempoh mentadbir Pulau Pinang, Kerajaan Negeri berjaya mewujudkan banyak peluang pekerjaan sehingga mencatatkan pengangguran antara terendah di Malaysia dengan sekadar 2 peratus sahaja," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Demikian di antara ungkapan Guan Eng ketika merasmikan Majlis Persidangan Mahasiswa Pulau Pinang anjuran Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) di sini 2 Februari lalu.



**SEBAHAGIAN mahasiswi yang mengambil bahagian dalam Majlis Persidangan Mahasiswa Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PYDC, Teng Kok Liang.

Menurut Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan, Kerajaan Negeri cuba untuk mewujudkan satu iklim yang mana bukan sahaja mudah mendapatkan pekerjaan di Pulau Pinang, malah juga mewujudkan sebuah bandar berdaya huni dan mampan untuk warganya.

"Selain pekerjaan, kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) mahu wujudkan suatu suasana mampan dan berdaya huni untuk warga negeri menjalani kehidupan dalam suasana yang bersih, hijau, sihat serta selamat.

"Untuk memastikan semua harapan ini terlaksana, kita perkenalkan rakan kongsi 4P (*public, private, people* dan *professional*).

"Sektor awam dan swasta yang saling bergandingan akan mewujudkan rakyat yang lebih harmoni...pada masa sama bagi mendepani dunia kian mencabar kini pandangan serta rujukan daripada pihak profesional tidak boleh diketepikan, dan itulah sebabnya anda semua (mahasiswa) perlu kembali dan membangunkan Pulau Pinang," serunya.

Kira-kira 200 anak jati Pulau Pinang yang merupakan mahasiswa dari universiti awam dan swasta seluruh negara hadir pada majlis tersebut.

## Kakitangan awam diberi keutamaan mohon skim perumahan mampu milik Pulau Pinang

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bakal memasukkan syarat kelayakan 'penjawat awam' sebagai keutamaan untuk permohonan skim perumahan mampu milik di Pulau Pinang.

Menurut Exco Perancang Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, keutamaan itu diberikan ekoran masih tiada Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) di Pulau Pinang.

"Kita akui Kerajaan Pusat ada buat permohonan untuk bina PPA1M, namun projek tersebut dilihat tidak mematuhi beberapa garis panduan teknikal yang kita (Kerajaan Negeri) tetapkan seperti pembinaan bangunan tinggi tidak boleh dilakukan di tanah berketinggian 76 meter pada paras laut.

"Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan usaha PPA1M dalam menyediakan skim perumahan kepada penjawat awam, namun mestilah mematuhi syarat-syarat ditetapkan di sini," jelasnya pada Majlis Penyampaian Surat Tawaran Skim Perumahan Kerajaan Negeri Kepada Beberapa Penjawat Awam di sini 8 Februari lalu.

Turut serta, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Tambah Jagdeep, melalui Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC), sejak tahun 2013, seramai 4,484 penjawat awam menerima tawaran milikan skim perumahan Kerajaan Negeri berharga antara RM42,000 hingga RM400,000.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,310 permohonan berjaya diproses untuk menandatangani surat perolehan unit, manakala bakinya gagal ekoran beberapa faktor khususnya syarat pinjaman daripada pihak bank yang terlalu ketat.

"Hampir 70 peratus pemohon gagal mendapatkan pinjaman daripada bank, dan ini membuktikan kenyataan Persatuan Pemaju dan Hartanah Malaysia (REHDA) sebelum ini ada kebenarannya," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Mengulas lanjut, tambah Jagdeep, dalam usaha menangani kadar penolakan pinjaman bank yang tinggi, pada awal tahun lalu, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak pembangkang Pulau Pinang sebulat suara telah mengutus surat kepada Perdana Menteri dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Malah, saya juga baru-baru ini sekali lagi menulis surat kepada Speaker DUN (Dewan Undangan Negeri), Dato' Law Choo Kiang untuk mengetengahkan semula isu ini kepada Perdana Menteri dan BNM," ujarnya.


**JAGDEEP Singh Deo (lima dari kiri), Phee Boon Poh (lima dari kanan) bergambar bersama-sama penjawat awam yang menerima surat tawaran skim perumahan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

## KM syor Pusat ikut Pulau Pinang guna peranti pintar ramal lebih awal penularan denggi

**GEORGE TOWN -** Seperti Pulau Pinang, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengesyorkan Kerajaan Persekutuan turut 'mencuba' kaedah pintar yang dibangunkan oleh AIME Inc. untuk mengesan serta meramal lebih awal penularan wabak denggi di tanah air ini.


**KETUA Menteri bersama-sama Dr. Afif Bahardin (tiga dari kanan) pada lawatan ke pusat operasi peranti pintar ramal lebih awal penularan denggi di sini baru-baru ini.**

Guan Eng memberitahu, pentadbirannya merupakan Kerajaan Negeri pertama negara yang saling bekerjasama dengan firma pembuat peranti perisikan pintar bagi meramal wabak denggi, berpangkalan di Lembah Silikon dekat Amerika Syarikat.

"Kami (Kerajaan Negeri) tidak mahu lebih ramai lagi nyawa hilang, jadi kami mengambil risiko untuk mengurangkan jumlah kes denggi dan menyelamatkan nyawa.

"Bayangkan, kini, para pegawai kesihatan boleh mengetahui lebih awal di mana wabak seterusnya akan berlaku, kita boleh mara satu langkah ke hadapan demi mencegah kes denggi daripada merebak.

"Kami memerlukan strategi moden untuk menangani isu ini dan (perjanjian persefahaman, MoU) ini adalah sebahagian daripada pelan CAT kami (*Crush Aedes Totally*)," ujarnya di sini baru-baru ini.

Guan Eng dalam pada itu turut mengadakan lawatan ke pusat operasi peranti tersebut.

Bersama-sama beliau ialah Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin sambil disambut oleh Presiden AIME Inc., Rainier Mollol.

Sebelum itu, Mollol memberitahu, tahap ketepatan ramalan dengan menggunakan peranti pintar yang dibangunkan oleh AIME Inc. adalah 84 peratus.

"Sistem AIME meramalkan wabak denggi lanjut melalui algoritma khas yang mengumpulkan 11 paket data yang berbeza, mengandungi maklumat seperti kematian denggi, kelajuan angin, tapak penularan serta beberapa faktor lain.

"Data terkumpul kemudiannya digunakan untuk menentukan wabak denggi semasa, menjangkakan wabak pada masa depan. Data berwajib kemudiannya diseragamkan dan dipetakan pada muka *Google Maps*.

"Setiap bulatan tidak akan melebihi 400 meter (m), kerana kajian PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) menunjukkan bahawa nyamuk betina yang membawa virus denggi tidak akan melampaui radius 400m.

"Tanda radius 400m dari pusat wabak denggi juga merupakan piawaian yang digunakan oleh pegawai kesihatan awam sendiri.

"Maklumat AIME akan dihantar kepada Jabatan Kesihatan untuk tindakan lanjut... protokol piawaian menetapkan bahawa pegawai kesihatan mesti membersihkan dan langkah pengasapan dalam kawasan radius 400m, selepas sebarang wabak besar," jelasnya.

# Projek pelebaran jalan kurang 20 peratus trafik sesak Jalan Masjid Negeri, Jalan Scotland

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pelancaran Projek Pelebaran Sebahagian Jalan Masjid Negeri dan Jalan Scotland (Pakej 5B) di sini baru-baru ini.**

**AIR ITAM -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, RM7.8 juta projek pelebaran sebahagian Jalan Masjid Negeri dan Jalan Scotland yang siap dibina bakal mengurangkan 20 peratus kesesakan trafik di sini.

"Ini adalah projek (Pakej 5B) yang menelan belanja RM7.8 juta daripada RM45.8 juta (kos keseluruhan projek-projek cadangan) yang telahpun siap.

"Projek (Pakej 5B) ini sangat penting kerana ia akan mengurangkan kesesakan trafik 20 peratus, mungkin dianggap tidak banyak (impaknya).

"Tapi, daripada segi kejuruteraan, kalau boleh mengurangkan kesesakan sampai 20 peratus, ini sangat besar kerana maksimum yang anda boleh kurangkan (kesesakan trafik) adalah 25 peratus," ujarnya dalam Majlis Pelancaran Projek Pelebaran Sebahagian Jalan Masjid Negeri dan Jalan Scotland (Pakej 5B) di sini 9 Februari lalu.

Turut berucap, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota serta ADUN Air Itam, Wong Hon Wai.

Difahamkan, setiap hari kira-kira 66,000 kenderaan melalui Jalan Masjid Negeri dan Jalan Scotland.

# Pulau Pinang bakal dihubung secara digital, ke arah menjadi bandar pintar

**GEORGE TOWN –** Ke arah menjadi sebuah bandar pintar, Pulau Pinang harus dihubungkan secara digital sepenuhnya dengan akses kemudahan meluas kepada ketersambungan, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau berkata, dalam merealisasikan visi sebagai hab bertaraf global pilihan sama ada untuk sektor pelancongan mahupun pelaburan, Pulau Pinang perlu membuka jalan ke arah pembangunan digital.

"(Kita) di Pulau Pinang, di samping tadbir urus yang baik, penyediaan infrastruktur juga turut dititikberatkan agar lebih banyak 'rangsangan' untuk pelaburan baru mahupun pelaburan semula di negeri ini.

"Berita BBC baru-baru ini ada memetik bahawa Pulau Pinang adalah *Asia's Silicon Valley* dengan menyatakan negeri ini menekankan aspek terhadap teknologi terkini pembuatan perkakasan (*hardware manufacturing*).

"(Dengan) menyamakan Pulau Pinang sebagai *Silicon Valley*, ia akan merangsangkan pembangunan teknologi tinggi sekaligus mewujudkan ekosistem teknologi yang semakin canggih," ucapnya ketika merasmikan semula laman sesawang di bawah *Penang Development Corporation Telecommunication Services* (PDC Telco) dalam Majlis Integrating Data to Future-Proof Tomorrow di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar serta rakan-rakan pelaksana PDC Telco.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, PDC Telco kini giat merencana Pelan Transformasi Digital Pulau Pinang dan dijangka sempurna menjelang penghujung tahun ini.

"Pelan transformasi tersebut akan membawa Pulau Pinang ke tahap sosio-ekonomi baharu dan sekaligus mengubah sektor industri di negeri ini dengan penggunaan teknologi terkini dan digital.

"Dengan usaha yang dilakukan hari ini, saya yakin Pulau Pinang bersedia menghadapi cabaran telekomunikasi masa hadapan serta bersedia ke arah menjadikan negeri ini sebuah negeri yang dihubungkan melalui ketersambungan digital," katanya.

# PCEB capai sasaran penganjuran acara perniagaan dengan nilai EEI RM1 bilion, umum KM

**TANJUNG BUNGA -** Pemilihan Pulau Pinang sebagai lokasi penganjuran acara konvensyen, pameran dan perniagaan serantau meningkat 100 peratus iaitu daripada 1,251 acara pada 2016 kepada 2,511 (2017).

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, Pulau Pinang mampu menjadi destinasi pilihan berlandaskan tiga strategi utama iaitu pembangunan infrastruktur yang mampan, penyediaan pusat-pusat konvensyen serta perniagaan bagi sektor MICE (persidangan, insentif, konvensyen dan pameran) dan sistem pengangkutan awam efisien yang menghubungkan semua fasiliti perniagaan.

"Ketiga-tiga strategi ini tidak akan direalisasikan sekiranya Biro Konvensyen & Pameran Pulau Pinang (PCEB) iaitu badan berwajib bagi penganjuran acara perniagaan di negeri ini tidak berfungsi.

"Syabas dan tahniah kepada Ketua Pegawai Eksekutifnya, G. Ashwin serta pasukannya...dan sukacita saya memaklumkan bahawa PCEB telah mencapai sasaran nilai penganjuran acara perniagaan RM1 bilion bagi tahun 2017," ucapnya pada Pelancaran Laporan PCEB bagi tahun 2017 di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, bagi Anggaran Nilai Ekonomi (EEI) keseluruhan tahun 2017, sejumlah RM1.002 bilion atau bersamaan 2,511 penganjuran dan 267,518 peserta direkodkan.

"Daripada jumlah tersebut, acara perniagaan berkelas antarabangsa meningkat kepada 159 program dengan penglibatan 141,294 peserta dan nilai EEI berjumlah RM376.65 juta.

"Manakala bagi penganjuran peringkat domestik, ianya melibatkan 126,224 peserta untuk 2,352 acara dan EEI sebanyak RM626.17 juta," katanya.

Mengulas lanjut, Guan Eng memaklumkan bahawa PCEB baru selesai jelajah pameran di India merangkumi Kolkata, New Delhi, Mumbai dan Bangaluru dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai lokasi terbaik bagi pameran perniagaan serta persidangan antarabangsa.

"Saya difahamkan, PCEB pada tahun ini dijangka akan turut melakukan jelajah ke negara lain seperti China, Korea Selatan, Jerman, London dan Amerika Syarikat dalam melakukan promosi yang sama," jelasnya.

# Risalah kempen PRU, Exco cabar buktikan unit rumah PR1MA, kelulusan TP1M

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**DATUK KERAMAT –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyelar tindakan pihak pembangkang Pulau Pinang yang dipercayai bertindak mengelirukan rakyat dengan menyebarkan berita palsu menjelang Pilihan Raya Umum (PRU14).

Menurut Jagdeep, **melalui risalah kempen pilihan raya bertajuk 'Inisiatif, Peruntukan Dan Ikhtiar Murni Kerajaan Persekutuan Demi Mensejahterakan Rakyat Pulau Pinang (Pencapaian Tahun 2008-2017)' yang mula diedarkan kepada umum sejak tahun lalu menyatakan bahawa pihaknya (Barisan Nasional, BN) melalui Program Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA) sedang dalam rangka pembinaan 16,569 rumah mampu milik di negeri ini.**

**"Malangnya, hasil semakan rekod daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), projek PRIMA yang diluluskan sehingga kini hanya di dua lokasi iaitu Kampung Kastam, Bukit Gelugor sebanyak 1,823 unit dan Batu Ferringhi (1,248).**

**"Itupun, 3,071 unit (Kampung Kastam dan Batu Ferringhi) masih belum mulakan proses pembinaan pun.**

**"Saya ingin mencabar BN terutamanya Umno untuk menunjukkan di manakah semua 16,569 unit rumah**



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan risalah memaparkan maklumat tidak tepat yang dipercayai mula diedarkan di negeri ini sejak tahun lalu.

**mampu milik PRIMA yang dimaksudkan mereka yang sedang dalam pembinaan di negeri ini?,"** tegasnya pada sidang media pengumuman menggantikan tangki air dekat Medan Ria, Jalan Samak di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, untuk Pulau Pinang, maklumat dan berita 'benar' lebih utama berbanding palsu, justeru rakyat perlu bijak menilai di antara kenyataan tidak berasas dan berita palsu yang dikhuatiri menjadi alat permainan pihak tidak bertanggungjawab demi menutup kelemahan mereka.

"Di pihak Kerajaan Negeri, sebanyak 24,227 unit rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) telah dibina sepanjang tahun 2008 hingga 2017 berbanding kerajaan terdahulu, hanya 5,154 unit (tahun 1999 hingga 2007).

"Manakala, 17,686 unit rumah mampu milik di antara kos RM42,000 hingga RM300,000 sedang dalam proses pembinaan dan 32,248 pelbagai jenis (KR, KSR dan mampu milik) juga telah diluluskan untuk dibina.

"Ini adalah realiti dan komitmen Kerajaan Negeri kepada rakyat Pulau Pinang," ujarnya kepada pemberita.

Di Medan Ria, Kerajaan Negeri melalui Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) memperuntukkan RM105,915.20 daripada nilai keseluruhan RM132,394 bagi menggantikan tangki air utama di dua blok kawasan tersebut, manakala, bakinya (RM26,478.80) ditanggung penduduk.

Mengulas lanjut **berhubung tabung penyelenggaraan di bawah Kerajaan Persekutuan iaitu Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M), Jagdeep memberitahu bahawa sejumlah 29 projek sahaja diluluskan daripada 143 permohonan yang dikemukakan Pulau Pinang.**

**"Mereka (BN) sekali lagi menyebarkan berita palsu mengatakan bahawa sebanyak 59 projek TP1M telah diluluskan dari tahun 2012 hingga 2016 bagi menambah baik kualiti perumahan KR dan KSR di Pulau Pinang membabitkan RM24.5 juta.**

**"Di manakah baki 30 projek yang dinyatakan? Ia sama sekali tidak sama dengan rekod kita,"** jelas beliau.

## Negeri Berkebajikan, semua lapisan rakyat nikmati hasil negeri secara sama rata

**SEBERANG JAYA -** Sejak 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan sejumlah RM484,000 bagi menjaga kebajikan pelajar-pelajar kurang mampu peringkat rendah dan menengah membabitkan Parlimen Bagan, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merangkap Ahli Parlimen kawasan berkaitan.

Menurutnya, sebagai sebuah 'Negeri Berkebajikan', Kerajaan Negeri mahukan semua lapisan rakyat untuk sama-sama menikmati hasilnya secara sama rata.

"Kalau mana-mana pihak perlukan bantuan, kita (Kerajaan Negeri) akan sedaya-upaya menolong berikan bantuan.

"Dan program sumbangan hari ini adalah sebahagian daripada usaha ini, yang mana kita (Kerajaan Negeri) berikan kepada pelajar-pelajar di Parlimen Bagan," ucapnya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Pelajar-pelajar Kurang Mampu Parlimen Bagan di sini 4 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng; Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu) dan A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam).

Guan Eng berserta kepimpinan Kerajaan Negeri meluangkan masa hampir satu jam menyampaikan sumbangan wang tunai RM100 kepada 660 pelajar membabitkan 22 sekolah peringkat Parlimen Bagan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM66,000.

Ke arah melahirkan pelajar cemerlang, beliau turut memberikan kata-kata nasihat agar pelajar-pelajar berkenaan terus berusaha, kerana melalui pendidikan sahaja akan melahirkan individu berjaya.



PARA pelajar bergambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri sejurus selesai Majlis Penyampaian Sumbangan Pelajar-pelajar Kurang Mampu Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.

"Jangan leka, jangan putus asa kerana sudah tentunya guru-guru senantiasa ada untuk membantu anda, dan yang lebih penting jangan sesekali lupakan ibu bapa yang banyak membimbing anda.

"Kerajaan Negeri mahukan anda berjaya.. kita (Kerajaan Negeri) telah sediakan pelbagai insentif untuk menggalakkan anda berjaya seperti sumbangan Pelajar Emas untuk pelajar tahun satu dan empat serta tingkatan satu dan empat.

"Malah, jika berjaya diterima kemasukan ke universiti kelak, wang sebanyak RM1,000 akan diberikan kepada anda," ujar Guan Eng.

# Cabar diri di *The Gravityz*

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



SALAH satu laluan mencabar *The Gravityz.*

**CABAR DIRI...** Pernahkah anda berjalan di tebing setinggi 239 meter (m) dengan hanya bergantung kepada seutas tali untuk tidak melayang jatuh ke bumi?

Jika anda sudah cukup berani menyahut cabaran sebenar, naiklah ke puncak bangunan paling tinggi di Pulau Pinang, iaitu Kompleks Tun Abdul Razak atau lebih dikenali sebagai Komtar.

Pada puncak bangunan ini iaitu di Tingkat 65 terdapat tarikan baru, digelar sebagai *The Gravityz*, secara rasmi mula dibuka menjelang Tahun Baru Cina baru-baru ini.

Pengunjung boleh meniti luar cermin bangunan Tingkat 65, Komtar, berswafoto bersama-sama kenalan sambil menikmati pemandangan 360 darjah seluruh rantau ini.

Ketika berucap, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembukaan *The Gravityz* memberi satu lagi nilai tambah kepada *The TOP* serta Komtar yang menjadi mercu tanda Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan pilihan dunia di rantau ini.

"Dengan adanya *The Gravityz* ini, anda tidak perlu lagi ke luar negara, seperti ke *Macau Sky Walk*, rakyat Malaysia boleh datang ke Pulau Pinang, penduduk Asia yang melawat Malaysia juga diharap tertarik untuk ke negeri ini.

"*The Gravityz* menjadi satu lagi nilai tambah kepada Komtar, selain *The TOP* yang dibuka di sini," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada Majlis Perasmian Pembukaan The Gravityz di sini baru-baru ini.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menyertai majlis perasmian pembukaan tersebut.

Pengarah Eksekutif AGC Aventure Hub Sdn. Bhd., J. Hong Low menyatakan bahawa '*flying fox zipline*' dan '*high-rope course*' merupakan antara segmen menarik dan mencabar di *The Gravityz*.

Di sini jua, menurut Hong Low, para pengunjung boleh merasai sendiri pelbagai segmen mencabar lain antaranya '*A Great Bridge*', '*Z-Wire*', '*G-Rocky*' dan '*High Bench*'.

"Sebagaimana slogan yang kami tonjolkan iaitu Menjangkaui Keyakinan (*Beyond Confidence*), hasrat kami di *The Gravityz* adalah untuk mengajak para pengunjung dan peserta daripada zon selesa kepada tahap keyakinan baru yang jitu untuk dicapai," jelasnya.

Difahamkan, *The Gravityz* diilhamkan daripada segmen mencabar dari puncak *Macau Sky Walk*, lalu disesuaikan dengan konteks komersialisasi Komtar, termasuk ruang legar pelbagai *The TOP* di sini.

*The Gravityz* dapat menampung sejumlah 96 orang dengan maksimum pada satu-satu masa untuk meniti laluan tinggi mencabar sepanjang 90m di luar bangunan Komtar adalah seramai enam orang.

"Segala peralatan dan bahan yang digunakan adalah berkualiti tinggi kerana kami meletakkan keselamatan orang awam sebagai keutamaan kami.

"Selalunya peserta akan menghabiskan masa sekitar 30 minit untuk mengikuti sesi taklimat keselamatan, sebelum dilepaskan untuk menempuhi pengalaman paling mencabar di *The Gravityz*, dengan pengawasan pegawai keselamatan terlatih," ujar Hong Low. .

"Kalau cuaca buruk, aktiviti di sini akan ditangguhkan serta-merta, kerana ini soal keselamatan semua pihak.

"Pada masa hadapan, kami berhasrat untuk menambah lagi pelbagai halangan yang lebih mencabar, mengembangkan trek sedia ada serta menambah '*bungee jumping*' di sini," katanya.

Tiket masuk dijual antara RM79 hingga RM399, dengan warga negeri Pulau Pinang mendapat harga istimewa serendah RM79, semua pengunjung turut akan diberi baju-t dan kelebihan masuk ke ruang komersial terpilih di *The TOP*.

## Karnival Kerjaya platform dapat pekerjaan sesuai



MOHD. Rashid Hasnon (berkemeja putih) beramah-mesra dengan beberapa pengunjung penganjuran Karnival Kerjaya Pulau Pinang Kali Keenam di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS -** Penganjuran Karnival Kerjaya dan Temuduga Terbuka Kali Keenam adalah sebagai platform untuk menyediakan maklumat tepat bagi memudahkan usaha pencari kerja mendapat pekerjaan sesuai dengan kelayakan masing-masing.

Menurut Timbalan Ketua Menteri 1, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, pada masa sama, penganjuran berkaitan juga bertujuan menyesuaikan bakat pencari kerja dengan majikan berpotensi daripada pelbagai industri dalam negara.

"Sekarang ini, isu pengangguran telah menjadi fenomena yang membimbangkan di banyak negara termasuk Malaysia.

"Namun begitu, walaupun Pulau Pinang mencatatkan kadar pengangguran antara paling rendah, iaitu sebanyak 1.2 peratus, tetapi kita (Kerajaan Negeri) sangat prihatin dan mahu memberi peluang kepada pencari kerja.

"Jadi, kita anjurkan karnival ini sebagai platform untuk menyediakan maklumat tepat bagi memudahkan usaha pencari kerja," ujarnya dalam ucapan pembukaan sebelum melancarkan karnival itu di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Bendahari Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Malaysia (SME Corp. Malaysia) Seberang Perai, Leong Yook Kheong; Pengarah Urusan PenExpo, Francis Wong serta Penolong Pengurus Hotel Vistana, Jacqueline Pensyl.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid menzahirkan ucapan penghargaan kepada Perbadanan PKS Seberang Perai dan PenExpo kerana membantu menganjurkan karnival tersebut serta pihak pengurusan hotel yang telah menyediakan ruang untuk pelaksanaan program berkaitan.

"Karnival ini juga membuka ruang, terutama bagi syarikat multinasional untuk mencari bakal pekerja.

"Terdapat 20 syarikat yang mengambil bahagian dan 1,000 peluang pekerjaan disediakan dalam pameran kali ini, termasuk untuk jurutera, pembantu jurutera, juruteknik dan lain-lain," ujarnya.

Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak turut menasihati mereka yang masih gagal mendapatkan pekerjaan agar tidak berputus asa.

"Kadang-kala kegagalan untuk mendapatkan pekerjaan adalah disebabkan oleh *resume* pencari kerja yang kurang berkesan.

"Justeru, dalam karnival kerjaya kali ini, *Jobstreet.com* telah menyediakan '*Resume Clinic*' untuk membantu para pencari kerja.

"Jika anda telah menghantar 50 permohonan untuk mendapatkan pekerjaan, tetapi satu pun tidak dijawab, anda pasti tertanya-tanya, mengapa. Jadi, kami jemput pihak yang lebih pakar untuk berkongsi dengan anda bagaimana caranya untuk menyediakan *resume* yang mengagumkan dan mengasah kemahiran anda untuk mendapatkan pekerjaan," tambahnya.

## RMM, Kerajaan Negeri tunai janji - Exco

**GEORGE TOWN -** Projek perumahan kos sederhana rendah (KSR) dan rumah mampu milik (RMM) yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri, *The Rise* berdekatan Jalan S.P. Chelliah kini 65 peratus siap.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, pembangunan projek berkenaan dijangka dapat disiapkan lebih awal daripada yang dijadualkan.

"Saya difahamkan oleh pihak kontraktor, projek *The Rise* ini mampu disiapkan enam bulan berbanding jadual asal, iaitu yang memerlukan sekurang-kurangnya 18 bulan lagi.

"Hal ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang menepati janji dan bukan cakap kosong sahaja terutama dalam menyediakan perumahan mampu milik di Pulau Pinang.

"(Dan) daripada 18 projek perumahan yang dirancang seluruh negeri, enam daripadanya sudah memulakan kerja-kerja pembinaan termasuklah (projek) Jiran Residensi di Kampung Jawa, Butterworth membabitkan 353 unit KSR serta RMM (354 unit) yang telah 90 peratus siap, dan Dua Residensi, Teluk Kumbar (346 KSR, 348 RMM), 60 peratus siap," katanya pada satu lawatan tapak di sini 29 Januari lalu.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Dalam perkembangan berasingan, Jagdeep mempersoalkan janji Kerajaan Pusat kepada rakyat Pulau Pinang untuk membina Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) di negeri ini.

"Jika kita lihat rekod terdahulu, Barisan Nasional (BN) di Pulau Pinang ternyata gagal menyediakan perumahan kepada penduduk negeri ini. Sejak tahun 1999, cuma 5,154 unit rumah kos rendah (KR) dan KSR dibina.

"Berbanding Kerajaan Pakatan Harapan (PH), kita menyediakan 24,227 unit rumah KR, KSR dan RMM dalam tempoh 10 tahun sejak 2008 hingga 2017.

"Bagi tempoh sama sebelum 2008, hanya 5,145 unit perumahan KR dan KSR dibina oleh BN...iaitu hampir lima kali ganda kurang berbanding pencapaian Kerajaan Negeri sekarang," jelasnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

# *Qatar Airways* mulakan penerbangan Doha – Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**BAYAN LEPAS –** Syarikat penerbangan berpangkalan di Timur Tengah, *Qatar Airways* memulakan penerbangan sulung tanpa henti dari Doha dan tiba di Pulau Pinang, 6 Februari lalu dengan perkhidmatan tiga kali seminggu.

Penerbangan QR850 menggunakan pesawat *Boeing 787 Dreamliner* berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Hamad (HIA) dan tiba di Lapangan Terbang Antabangsa Pulau Pinang (PIA) bersama-sama delegasi diketuai Ketua Pegawai Komersial Qatar Airways, Ehab Amin dan Duta Besar Malaysia ke Qatar, Ahmad Fadil Shamsuddin.

Setiba di Pulau Pinang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ditemani Duta Besar Qatar ke Malaysia, Essa Mohamed Al-Mannai; Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Berhad, Datuk Badlisham Ghazali serta Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism, Ooi Chok Yan.

Guan Eng ketika ditemui berkata, sebagai Bandar Warisan Dunia UNESCO yang menawan dan penuh warna-warni kebudayaan serta keharmonian agama, Pulau Pinang pastinya menjadi destinasi pilihan pelancongan.

"Kami (Pulau Pinang) turut menawarkan pelbagai produk pelancongan bertaraf dunia... biarkan deria anda menikmati pemandangan, bunyi-bunyian serta bauan yang akan menarik perhatian anda untuk kembali lagi ke Pulau Pinang.

"Selain pelancongan dan perniagaan, salah satu sektor lain yang boleh dipertimbangkan antara Qatar dan Pulau Pinang adalah memperkasakan industri halal, dan Kerajaan Negeri sedia melihat apa yang boleh dilakukan bagi menjayakannya," ujarnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada *Qatar Airways* kerana memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan selepas Kuala Lumpur yang telah beroperasi sejak 2001.




KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan bergambar bersama-sama delegasi *Qatar Airways* yang tiba di sini 6 Februari lalu.




KETIBAAN pesawat *Boeing 787 Dreamliner* milik *Qatar Airways* di PIA.

Mengulas lanjut, Guan Eng berharap pembesaran PIA yang diumumkan sebelum ini dapat dilaksanakan segera.

"Tahun lalu, sejumlah 7.2 juta penumpang dicatatatkan menggunakan PIA berbanding kapasiti asal yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang.

"(Dan) dengan pembesaran yang dirancangkan iaitu daripada 6.5 juta penumpang kepada 12 juta penumpang, ia akan merancakkan lagi sektor pelancongan di negeri ini," katanya.

Dalam sidang media berasingan, Ehab Amin mengumumkan bahawa pihaknya akan menambah kekerapan penerbangan kepada empat kali seminggu bermula 1 Julai 2018.

"Buat masa ini hanya tiga kali seminggu iaitu hari Selasa, Khamis dan Sabtu dengan 22 tempat duduk Kelas Perniagaan dan Kelas Ekonomi (232)," katanya.

Difahamkan, penerbangan terus tanpa henti dari Doha ke Pulau Pinang dan sebaliknya mengambil masa 12 jam 30 minit.

## Salah guna masjid untuk politik kepartian, Exco adakan perbincangan tindakan lanjut

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri memandang serius isu penyalahgunaan masjid untuk tujuan politik kepartian, lebih-lebih lagi yang menabur tohmahan dan mengadu domba isu perkauman serta agama.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dalam pada itu turut memberi amaran kepada pentadbir masjid di seluruh negeri ini agar tidak menyalahgunakan institusi agama untuk tujuan tersebut.

Beliau menegaskan, tindakan tegas akan diambil bukan sahaja kepada pentadbir masjid, malah kepada penceramah atau khatib yang menyalahgunakan medan kuliah atau mimbar masjid.

"Selama ini, Kerajaan Negeri bersikap terbuka dalam program pengimarahan masjid dan kuliah ilmu, namun terdapat segelintir pihak telah mengambil kesempatan atas sikap keterbukaan ini.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) telah mengambil pendekatan nasihat dan memberikan surat tunjuk sebab kepada beberapa individu terlibat.

"Kerajaan Negeri juga sedang memantau beberapa individu yang dikenal pasti untuk dikenakan tindakan sama ada kita akan menarik semula tauliah mereka atau tidak membenarkan mereka mengajar lagi di negeri ini," tegasnya ketika ditemui Buletin Mutiara (BM) di sini baru-baru ini.

Ditanya sama ada Kerajaan Negeri akan memperketatkan lagi garis panduan penggunaan masjid dan surau di negeri ini, Abdul Malik menyatakan bahawa garis panduan yang sedia ada telahpun memadai.

"Garis panduan yang ada sekarang sudah jelas bahawa kita tidak membenarkan untuk berpolitik di masjid, penyampaian ceramah dan khutbat mestilah mengikut garis panduan ditetapkan.

"Kita juga akan perketatkan pengawasan dan tindakan kerana selama ini kita terbuka, tetapi nampaknya ia telah disalahgunakan," jelasnya yang bercadang untuk mengadakan pertemuan bersama-sama pegawai-pegawai agama daerah dan bahagian penguatkuasaan bagi membincangkan isu-isu berkaitan.



ABDUL Malik Abul Kassim.

# Pembaikan lif hadiah Kerajaan Negeri, wakil rakyat kepada penduduk

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **TAN KEAN MING**

**TANJUNG BUNGA -** Hasil keprihatinan Kerajaan Negeri, 1,600 penduduk Apartment Mutiara & Arked menarik nafas lega dengan siapnya pembaikan sebuah unit lif baharu di blok C dan D di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada majlis perasmian lif baharu tersebut memaklumkan bahawa kos RM77,000 adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

"RM77,000 ini merupakan 'hadiah' Kerajaan Negeri kepada penduduk sini, dan anda amat bertuah kerana mempunyai seorang wakil rakyat prihatin iaitu Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari yang bekerja keras demi memastikan rakyat di kawasannya dapat tinggal dengan selesa.

"Tahniah kepada Zairil kerana menjalankan tanggungjawab yang diberikan sebaiknya dan diharap menjadi contoh kepada semua wakil rakyat yang lain secara keseluruhannya," katanya sempena Majlis Perasmian Pembukaan Lif Apartment Mutiara & Arked, Batu Ferringhi 3 Februari lalu.

Maklum Guan Eng, Kerajaan Negeri menanggung kos projek sebanyak 60 peratus, manakala bakinya ditanggung dengan peruntukan Zairil.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit dan Pengerusi Badan Pengurusan Apartment Mutiara & Arked, Ooi Ah Seng.

Guan Eng seterusnya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan membina jalan empat lorong menghubungkan Batu Ferringhi berikutan laluan sedia ada sudah terlalu sibuk.

"Belakang bukit ini kita (Kerajaan Negeri) nak buat jalan baru, jalan lagi bagus ada empat lorong dan yang paling penting ianya tak ada tol serta percuma kepada rakyat Pulau Pinang," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Dalam pada itu, Jagdeep memberitahu, projek pembaikan lif yang diluluskan pada Oktober tahun lalu berjaya disiapkan pada 15 Januari 2018.

Tambahnya, sehingga Januari 2018, Kerajaan Negeri meluluskan 105 projek naik taraf serta membaiki kemudahan-kemudahan melibatkan lif, penukaran bumbung, cat semula, penurapan jalan, pembinaan tembok dan lain-lain bagi projek perumahan kos rendah serta sederhana rendah di negeri ini.




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil penduduk bergambar bersama-sama pada Majlis Perasmian Pembukaan Lif Apartment Mutiara & Arked, Batu Ferringhi di sini baru-baru ini.**

# TPM80PP lulus pelbagai projek penyelenggaraan layak demi rakyat

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri di bawah program Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Pulau Pinang (TPM80PP) telah meluluskan pelbagai projek penyelenggaraan bagi skim perumahan yang layak sejak tahun 2013.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sebanyak 105 projek telah diluluskan di bawah tabung berkaitan dengan peruntukan berjumlah RM18,911,346.84 juta.

Menurutnya, pelaksanaan program itu pada awalnya terhad kepada skim perumahan dengan harga tidak melebihi RM72,500, tetapi bermula Jun 2016 ia diperluas kepada skim perumahan tidak melebihi RM150,000 pada harga pembelian asal.

"Keutamaan program ini pada mulanya adalah untuk kerja-kerja penyelenggaraan kritikal seperti penyelenggaraan lif, tangki air dan penggantian serta membaik pulih bumbung, kini ia diperluas kepada penyelenggaraan lain seperti menaik taraf jalan, kerja-kerja mengecat semula dan pembaikan serta pengubahsuaian pagar.

"Dan daripada 105 projek yang diluluskan itu, sebanyak 54 projek adalah melibatkan penyelenggaraan lif, pengubahsuaian dan penggantian tangki air (28), pembaikian dan penggantian bumbung (7), manakala 16 lagi adalah untuk penyelenggaraan lain seperti mengecat semula, naik taraf jalan dan pengubahsuaian pagar serta dinding," katanya pada sidang media sempena lawatannya ke Greenlane Heights dekat Jalan Gangsa di sini 1 Februari lalu.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Gelugor Ramkarpal Singh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima R.S.N. Rayer dan Pengerusi Badan Pengerusan Bersama (JMB) Block K Greenlane Heights, Nelson Neoh.

Dalam pada itu, Jagdeep turut mengumumkan kelulusan untuk kerja menaik taraf lima unit lif di Blok K Greenlane Heights melibatkan peruntukan berjumlah RM343,440.

"Kerajaan Pulau Pinang akan menyumbangkan 60 peratus (RM206,064), manakala penduduk menanggung kos 40 peratus (RM137,376) lagi," ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Jagdeep dalam pada itu menegaskan, Kerajaan Negeri bukan hanya akan terus menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat di negeri ini, malah juga melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi skim perumahan yang layak.

"Ini kerana Kerajaan Persekutuan telah gagal mengeluarkan rakyat daripada masalah ini di bawah projek penyelenggaraan TP1M (Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia), sebaliknya Kerajaan Negeri telah berjaya melaksanakannya," jelas beliau.



# PTSR mercu tanda Pulau Pinang negeri Berkebajikan dan Keusahawanan

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

**PROGRAM** Titian Saksama Rakyat (PTSR), iaitu skim pinjaman mikro kredit tanpa riba diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri hari ini sejak tahun 2009.

PTSR begitu banyak membantu usahawan mengembangkan modal perniagaan masing-masing, sekaligus skim tersebut menjadi mercu tanda Pulau Pinang sebagai negeri Berkebajikan serta Keusahawanan.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mengagihkan kira-kira RM13.5 juta dana PTSR kepada 2,835 penerima, terdiri oleh pelbagai bangsa dan latar belakang keusahawanan berbeza-beza.

Direkodkan, 83.5 peratus penerima skim berkaitan adalah usahawan Melayu, sungguhpun Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang di bawah pentadbiran Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng digambarkan pembangkang kononnya anti-Islam dan anti-Melayu.

Baki, 8.2 peratus lain adalah usahawan Cina dan India (8.3 peratus).

**RAHAYU ABDUL RAHIM**, 42, pengusaha kedai butik busana wanita "Ayu Jelita" sudah kali ketiga membuat pinjaman mikrokredit PTSR.

"Kali pertama, saya diberi pinjaman RM5,000 sahaja. Kerana rekod pinjaman bayar balik pinjaman tanpa riba ini 'bersih', saya ditawarkan pinjaman kali kedua sejumlah RM10,000.

"RM15,000 pinjaman PTSR baru-baru ini adalah kali ketiga, terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas kepercayaan memberi bantuan pinjaman modal kepada usahawan wanita seperti saya," katanya ketika diwawancara di Kompleks PDC dekat Bayan Baru di sini 12 Februari 2018.

Berbekalkan modal PTSR berkenaan, Rahayu memberitahu, "Ayu Jelita" kini sudah mempunyai tiga lot kedai butik, iaitu di Pasar Raya Giant Cawangan Bayan Lepas dan Cawangan Sungai Petani serta Pasar Raya Besar Mydin Bertam, Seberang Perai Utara (SPU).

"Tudung bawal berkualiti jenama 'Ayu Jelita' di butik-butik kami boleh dimiliki dengan harga antara RM29 hingga RM39 sehelai, atau RM100 harga kombo bagi pembelian tiga helai sekaligus ikut citarasa pelanggan kami," jelasnya sambil memberitahu butik 'Ayu Jelita' kini sudah mempunyai 15 ejen pemasaran atas talian yang aktif.



**HAZIF Roslan (kiri sekali), Hakimullah Khabilu (dua dari kiri) dan Rahayu Abdul Rahim (tiga dari kanan) bersama-sama para peserta PTSR lain dalam sesi wawancara bersama-sama pihak akhbar Buletin Mutiara baru-baru ini.**

Sebagai usahawan yang pernah tiga kali meminjam modal di bawah PTSR, Rahayu mengaku bahawa Kerajaan Negeri hari ini begitu komited dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri Berkebajikan dan Keusahawanan.

"Bagi saya, program PTSR ini patut diteruskan (serta) diperluaskan untuk membantu para usahawan mengembangkan modal perniagaan masing-masing dengan birokrasi pinjaman dan proses bayar balik pinjaman, secara mudah.

"Bagi butik 'Ayu Jelita' sendiri, PTSR memang membantu mengembangkan modal perniagaan, contohnya untuk bayar kos menyewa lot komersial yang baru dibuka.

"Kalau boleh, pada masa depan, jumlah had pinjaman PTSR kali yang pertama boleh ditingkatkan daripada RM10,000 kepada RM50,000," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini.

**HAKIMULLAH KHABILU**, 24, pegawai pemasaran "Khabilu Penang Famous Muruku" merupakan seorang lagi usahawan muda yang mendapat pinjaman mikro kredit tanpa riba di bawah PTSR.

"Saya merupakan generasi ketiga dalam projek keusahawanan turun-temurun ini, dengan 150 jenis barang makanan dipasarkan, muruku contohnya ada enam jenis dipasarkan secara komersial, begitu juga kacang ada 10 jenis.

"Khabilu Penang Famous Muruku jenama terkenal di Pulau Pinang, ditubuhkan pada tahun 1966 oleh datuk saya, dan sekarang ada lima lot kedai iaitu di Penang Road, Bukit Jambul, Komtar, Pasar Raya Sunshine Farlim dan pusat jaja terbuka Ropewalk (dekat Stadium Bandaraya).

"Walaupun RM6,000 pinjaman mikro kredit ini tidak besar, tapi bagi usahawan seperti saya jumlah itu boleh dijadikan modal perniagaan seperti untuk membayar wang pendahuluan sewa lot kedai baru," ujarnya.

Hakimullah masih bujang dan merupakan graduan bidang teknologi pembangunan keusahawanan dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Sebagai usahawan muda, beliau berharap Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini meluluskan pinjaman mikro kredit PTSR kali pertama sehingga had maksimum RM50,000.

"Selain mendapat pinjaman mikrokredit, peserta PTSR juga berpeluang mengembangkan jaringan pemasaran masing-masing dengan menyertai ekspo-ekspo berkaitan kepentingan Kerajaan Negeri, sama ada di Pulau Pinang ataupun di negeri-negeri jiran seperti Indonesia.

"Sebenarnya, memang ada dalam perancangan saya untuk membuat penjenamaan semula (*rebranding*) dengan wajah baru pada plastik bungkusan, dan semua ini tentu memerlukan lebih banyak lagi modal pusingan.

"Atas sebab itu, walaupun saya difahamkan Kerajaan Negeri ada cadangan untuk menetapkan had pinjaman lanjutan kepada mereka yang mempunyai rekod bayar balik pinjaman mikrokredit adalah RM50,000, sepatutnya jumlah pinjaman mikrokredit itu patut lebih besar, RM50,000 patut adalah had pinjaman kali pertama," syor beliau.

Seorang lagi penerima pinjaman mikrokredit PTSR adalah, **HAFIZ ROSLAN**, 27, iaitu ahli fisioterapi dan pengusaha Fizo Rehab Centre di Balik Pulau.

"Saya sudah lima tahun mengusaha pusat fisioterapi ini secara profesional, tapi Fizo Rehab Centre ini saya buka di Balik Pulau baru tahun lepas (2017).

"Modal, sekurang-kurangnya RM120,000 jika nak buka pusat fisioterapi yang ada kelengkapan dan selesa.

"Tapi, saya bersyukur kerana baru-baru ini turut mendapat pinjaman kali pertama (sejumlah) RM6,000," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini kerana cakna usahawan.

Beliau turut memuji birokrasi mudah dalam proses memohon pinjaman mikro kredit PTSR, kendalian PDC.

"Saya dapat pinjaman pada bulan Januari lalu, permohonan pun mudah dan proses permohonan juga cepat.

"Kalau boleh, had pinjaman mikro kredit kali pertama dipertimbangkan sehingga RM15,000, dengan jumlah pinjaman lanjutan maksimum RM50,000, kerana tujuan skim (PTSR) ini memang untuk membantu kebajikan usahawan, terutama daripada segi modal pusingan untuk mengembangkan perniagaan dan pemasaran masing-masing.

"Kalau boleh lulus pinjaman mikro kredit kali pertama maksimum RM50,000 di bawah PTSR ini, memang Pulau Pinang patut dilihat sebagai negeri Berkebajikan dan Keusahawanan," jelasnya.

## KN komited perkenal dasar baru majukan industri perikanan – Exco

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) sentiasa komited untuk mengangkat martabat dan taraf kehidupan nelayan ke arah yang lebih baik, kata Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Afif berkata, komitmen tersebut akan diteruskan melalui pemberian subsidi dan elaun sara hidup kepada golongan berkaitan sekiranya PH berjaya membentuk kerajaan di Putrajaya kelak.

"Kami (Kerajaan Negeri) akan tetap meneruskan subsidi dan pemberian elaun sara hidup kepada nelayan apabila PH membentuk Kerajaan di Putrajaya.

"Kami juga komited untuk memperkenalkan dasar-dasar baru untuk memajukan industri perikanan di Malaysia, PH akan melakukan reformasi terhadap sistem melibatkan agensi-agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan ke arah menjadi sebuah agensi yang cekap dan telus dalam memberi khidmat serta menjaga kebajikan para nelayan di seluruh negara," ujarnya pada sidang media di sini 27 Februari lalu.

Afif berkata demikian sebagai respons kepada kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya melalui sebuah akhbar berbahasa Melayu bertarikh 25 Februari lalu.

Kenyataan tersebut sebagai memetik berkata tidak mungkin PH mampu meneruskan pembayaran elaun tersebut kerana mereka tidak mempunyai dana dan peruntukan yang mencukupi akibat daripada cadangan penghapusan cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Justeru, Afif menyifatkan bahawa kenyataan Hilmi tersebut adalah sebagai tindakan tidak bertanggungjawab dan satu cubaan untuk menakut-nakutkan rakyat.

"Sebenarnya tidak tepat, kenyataan tersebut menunjukkan kedangkalan beliau dalam mengurus soal ekonomi negara... kerana yang kita hadapi di peringkat nasional adalah ketirisan dan kebocoran oleh sistem kerajaan (Pusat) iaitu dari segi pengurusan kewangan hingga menyebabkan negara kehilangan berjuta-juta ringgit setiap tahun," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Dalam perkembangan lain, Afif turut menggesa Hilmi agar merealisasikan janji beliau berhubung pembinaan Hospital Balik Pulau (HBP).

"Mana Hospital Balik Pulau yang dijanjikan Hilmi sejak tahun 2012? Sampai sekarang tak buat, dulu bawa melawat tapak bersebelahan hospital (kini) iaitu tanah Persekutuan, tapi masih lagi tak dibina," katanya.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktTengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@yahoo.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>- | - |
| **BERTAM**<br>- | - |
| **PINANG TUNGGAL**<br>- | - |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>- | - |
| **SUNGAI DUA**<br>- | - |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>- | - |
| **SUNGAI ACHEH**<br>- | - |
| **BAYAN LEPAS**<br>- | - |
| **PULAU BETONG**<br>- | - |
| **TELUK BAHANG**<br>- | - |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN)<br>( BUTTERWORTH) | 04-210 2363<br>04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | - | - |
| N2 | Bertam | - | - |
| N3 | Pinang Tunggal | - | - |
| N4 | Permatang Berangan | - | - |
| N5 | Sungai Dua | - | - |
| N6 | Telok Air Tawar | - | - |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | Nurafiqah<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 383 9131 | Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | - | - |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 010 - 811 7300 | Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Nayim |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | - | - |
| N39 | Pulau Betong | - | - |
| N40 | Telok Bahang | - | - |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 012 - 548 2465<br>019 - 658 2465 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
Beliau berkata, selain bertujuan menggalakkan semua sekolah untuk mengamalkan pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar, ASH juga merupakan satu usaha berterusan dalam mempraktikkan amalam 4R iaitu fikir (*rethink*), kurangkan (*reduce*), guna semula (*reuse*) dan kitar semula (*recycle*).

"Program ASH ini merupakan satu usaha berterusan secara bersama menerusi amalan 4R demi menyediakan satu persekitaran yang sihat untuk generasi akan datang.

"Di samping itu, amalan hijau di sekolah-sekolah juga dapat membantu masyarakat menuju ke era sisa sifar kerana kita perlu bermula dari peringkat sekolah agar mampu melahirkan generasi yang prihatin terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar," ujarnya ketika merasmikan Majlis Pelancaran ASH Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini 30 Januari lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis MBPP, Mohd Faisol Abu Bakar (wakil Jabatan Pendidikan Pulau Pinang) dan Seth Lim Sow Wu (Pengurus Besar Mah Sing Group).

Dalam pada itu, Tung Seang ketika berucap melahirkan harapan agar jumlah penyertaan tahun ini akan terus meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Diharap semua sekolah-sekolah ini akan menyahut cabaran ASH.

"Saya percaya kerjasama di antara para pelajar bersama-sama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bukan sahaja akan mewujudkan kecemerlangan di dalam bidang akademik, malahan dalam membudayakan pengurusan yang mesra alam," ujarnya.




**CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) sambil ditemani Ar. Yew Tung Seang (dua dari kanan), Ir. Addnan Mohd. Razali (kiri sekali) dan Seth Lim Sow Wu (kanan sekali) bergambar kenangan dengan sebahagian pelajar yang hadir pada Majlis Pelancaran ASH MBPP di sini baru-baru ini.**

## YDP harap pertandingan kitar semula sekolah capai dwi sasaran kitar semula



**SR. Rozali Mohamud (barisan depan, enam dari kiri), Ahli-ahli majlis, barisan penganjur dan wakil-wakil sekolah bergambar kenangan selepas Majlis Pelancaran Kitar Semula Peringkat Sekolah di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA -** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa pentadbirannya mensasarkan 70 peratus kadar kitar semula pada tahun 2022, dengan jumlah beratan sampah dihantar ke Pusat Pelupusan Sisa Pulau Burong dikurangkan sehingga 50 peratus.

Justeru, beliau berharap salah satu program tahunan strategik MPSP iaitu Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah-Sekolah mampu mencapai dwi sasaran tersebut.

"Sekolah merupakan salah satu tempat (*venue*) yang mana amalan kitar semula boleh dipraktikkan secara meluas, saya percaya dalam peribahasa Melayu – 'melentur buluh biar dari rebungnya'," katanya dalam Majlis Pelancaran Kitar Semula Peringkat Sekolah di Auditorium Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini 18 Januari lalu.

Menurut Rozali, pelaksanaan program komuniti tersebut ditaja oleh syarikat Fraser & Neave Holdings Berhad (FNHB) dan Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd..

Tambah beliau, pertandingan pada tahun ini dibuka kepada tiga kategori membabitkan Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Pra-Sekolah (Tadika).

"Untuk makluman semua, di Seberang Perai terdapat 219 buah sekolah iaitu 154 sekolah rendah dan sekolah menengah (65), dan setakat tahun 2017, sebanyak 65 buah sekolah (24 sekolah menengah dan 41 sekolah rendah) terlibat dalam aktiviti ini.

"Saya menyeru dan berharap agar tahun ini akan ada pertambahan daripada segi penyertaan dan juga beratan barangan kitar semula yang dikutip," serunya.

Mengulas lanjut, Rozali menyatakan bahawa sejumlah 54,090.75 kilogram (kg) beratan barang kitar semula berjaya dikutip dari 24 sekolah menengah dan sekolah rendah (41) sepanjang tahun 2017.

Dalam perkembangan lain, beliau turut merakamkan penghargaan atas sokongan padu Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam menjayakan aktiviti tahunan MPSP tersebut.



# Fokus acara akuatik, buru lebih banyak pingat emas SUKMA, seru Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PAYA TERUBONG –** Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berharap kontinjen Pulau Pinang mampu memberi lebih tumpuan terhadap acara akuatik, demi memburu lebih banyak pingat emas dalam kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) kelak.

"Acara akuatik meliputi renang, terjun, renang berirama, polo air mampu menyumbang sehingga 54 pingat dalam mana-mana temasya sukan.

"Justeru, adalah penting untuk Pulau Pinang kuasai acara ini (akuatik) sekiranya mahu menduduki *top 3*... jika tidak, kita (Pulau Pinang) hanya mampu sekadar berada di tangga lima hingga lapan sahaja," katanya ketika melakukan lawatan ke *54th Penang Amateur Swimming Association (PASA) Speedo Age Group Swimming Championship* dekat Kompleks Sukan Bandaraya, Relau di sini baru-baru ini.

SUKMA 2018 dijadualkan berlangsung di Perak pada September ini.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An.

Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini akan menambah lagi beberapa kompleks renang bertaraf olimpik kelak.

"Inisiatif projek-projek pemajuan sebegitu adalah demi menjadikan Pulau Pinang berdaya saing dalam sukan akuatik," jelasnya.



**GAYA atlet-atlet renang pada kejohanan *54th Penang Amateur Swimming Association (PASA) Speedo Age Group Swimming Championship* di sini baru-baru ini.**

Berucap pada majlis sama, Tung Seang berkata, bagi bahagian pulau, sebuah kompleks renang akan didirikan berdekatan pusat membeli-belah Queensbay Mall, dengan kerja-kerja akan dimulakan pada 2019.

Difahamkan, pada pertandingan tersebut, seramai 618 peserta mengambil bahagian dan pertandingan dibahagikan kepada enam kategori mengikut kategori umur iaitu lima tahun ke bawah sehingga 25 tahun.

## Bina lebih banyak gelanggang bola keranjang demi lahirkan lebih ramai bakat cemerlang

**BUKIT MERTAJAM -** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini merasmikan Kejohanan Bola Keranjang Piala Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) Peringkat Seberang Perai di Gelanggang Bola Keranjang Tertutup dekat Taman Kota Permai di sini.

Sebanyak 63 pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut yang dibahagikan kepada tiga ketagori, iaitu kumpulan lelaki berumur antara 15 hingga 20 tahun; 21 hingga 30 tahun dan kumpulan wanita berumur 15 hingga 30 tahun.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri akan membina lebih banyak gelanggang bola keranjang dan terus meningkatkan kemudahan sedia ada bagi melahirkan lebih ramai pemain (bola keranjang) yang cemerlang.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap satu hari nanti, Pulau Pinang akan menjadi juara di peringkat kebangsaan dalam acara ini. Kita juga sedang berunding dengan Persatuan Bola Keranjang Pulau Pinang dan akan terus membina kemudahan sukan yang lebih baik serta melahirkan lebih ramai bakat," ujarnya pada majlis berkaitan pada 4 Februari lalu.

Turut berucap, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi yang juga Pengerusi Kejohanan Bola Keranjang PYDC, Soon Lip Chee; Presiden Persatuan Bola Keranjang Pulau Pinang, Datuk Ooi Khoon Yeong; Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Kota Permai, Yap Kim Choi dan Ketua Eksekutif PYDC, Teng Kok Liang.

Menurut Guan Eng, penyertaan kejohanan juga adalah sangat menggalakkan apabila meningkat daripada 56 pasukan pada tahun lepas kepada 63 (2018).

Beliau dalam pada itu turut menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada kesemua pasukan yang mengambil bahagian termasuk pihak penganjur pertandingan.

"Saya mengucapkan syabas kepada enam pasukan wanita yang sudi mengambil bahagian dan bertanding bersama-sama dalam kejohanan ini.

"Marilah kita menuju ke arah Pulau Pinang yang bersih, hijau, sihat dan selamat.

"Tahniah juga kepada pihak penganjur, iaitu PYDC dan JKKK Taman Kota Permai, dan juga Persatuan Bola Keranjang Negeri Pulau Pinang kerana telah berjaya menganjurkan pertandingan ini," jelasnya.



# Kemahiran Asas VSEP-AES, buka peluang muda mudi dalami bidang kemahiran serta vokasional

*"Pulau Pinang – Atas inisiatif PYDC, kami kini lebih bijak merancang untuk masa depan yang lebih cerah"*

**KEMAHIRAN** Asas VSEP-AES merupakan inisiatif Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) untuk menyingkap senario melibatkan golongan muda pada masa kini yang terlepas peluang dan minat serta kemampuan diri terhadap bidang akademik.

Dalam mempelopori inisiatif tersebut, PYDC telah bekerjasama dengan Fourier TVET Center Sdn. Bhd. dan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Pada mulanya saya tidak yakin dengan program ini, tetapi selepas tempoh latihan hampir empat minggu, saya telah mendapat peluang pekerjaan dengan bayaran gaji di antara RM1,400 hingga RM1,600," kata Muhamad Azarol Mohd. Redzuan, 21, yang kini berkhidmat di Syarikat AEM, Bayan Lepas.

Muhamad Zarol pada awalnya hanya menemani kawannya untuk menyertai Kemahiran VSEP, namun kini telah membuat perancangan untuk terus bersama-sama VSEP hingga ke peringkat Diploma.

Tambah beliau, segala latihan yang diberikan pada awal sesi pembelajaran sememangnya diguna pakai dalam sektor pekerjaannya sekarang.

Umumnya, kemahiran Asas VSEP merangkumi tiga bidang iaitu elektrikal, mekanikal dan mekatronikal. Setiap pelatih perlu menjalani ketiga-tiga kursus berkaitan selama sebulan sebelum ditempatkan ke kawasan perindustrian. Semua pelajar yang mengambil kursus berkenaan akan ditempatkan dekat syarikat-syarikat beroperasi di sekitar kawasan perindustrian Bayan Lepas dan lokasi terdekat dengan pelajar.

"Sebagai anak sulung daripada empat beradik, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk membantu keluarga.

"Melalui Kemahiran VSEP, ia telah membantu mengurangkan beban kewangan yang saya tanggung," jelas Nur Farah Qurratu'ain Mohd. Nor, 20, satu-satunya pelajar wanita dalam Kemahiran VSEP kelolaan PYDC.

Sebelum menyertai program Kemahiran VSEP-AES, Nur Farah Qurratu'ain pernah berkhidmat sebagai penasihat pusat rawatan dan kecantikan di Kuala Lumpur.

Namun, disebabkan minatnya yang mendalam dalam bidang kemahiran, ia telah mendorongnya pulang ke Pulau Pinang dan mengikuti program tersebut. Kini, beliau berkhidmat di Syarikat Plexus Riverside, Bayan Lepas.



**MUHAMAD Azarol Mohd. Redzuan.**


**NUR Farah Qurratu'ain Mohd. Nor.**

Mengulas lanjut, Muhamad Azarol dan Nur Farah Qurratu'ain memberitahu, penglibatan mereka mengikuti program berkaitan telah memberi satu suntikan semangat baru kepada golongan tidak berkemampuan untuk terus mendalami minat yang mereka ceburi, khususnya dalam bidang kemahiran serta vokasional.

Bagi mereka yang berminat mengikuti program ini, pengambilan pelajar baru adalah melibatkan tiga sesi dalam tempoh masa setahun.

Sekiranya peserta menunjukkan prestasi yang baik, pihak pengusaha industri akan menawarkan bayaran lebih baik setanding dengan hasil kerja masing-masing.

Malah, sebagai tambahan, pihak syarikat atau kilang juga akan memantau hasil kerja mereka bagi memastikan proses pembelajaran berjalan dengan baik.

Malah, bagi PYDC dan Fourier TVET Sdn. Bhd., kedua-dua pihak berkaitan turut akan memantau proses pratikal serta melihat keputusan semasa peserta pada tempoh bulan pertama perkhidmatan.

Sebagai tambahan, PYDC juga akan memberi subsidi sebanyak RM300 (*one-off*) kepada golongan belia yang berasal daripada keluarga penerima bantuan: -

A. Agenda Ekonomi Saksama (AES),

B. Zakat Pulau Pinang atau,

C. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), yang memenuhi syarat kehadiran lebih daripada 80 peratus.

Bagi maklumat lanjut, sila hubungi PYDC di talian, +6012 - 401 0186 / facebook.com/pydc.my.



# Pengalaman bantu Addnan galas amanat baharu lebih mencabar

**BERBEKALKAN** prinsip '*Accomplish or Do Not Begin*' menjadikan Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali seorang yang komited terhadap tugas hingga berjaya membina kariernya bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selama 34 tahun kini.

Addnan yang memulakan kerjayanya sebagai Jurutera di Jabatan Kejuruteraan MBPP (ketika itu Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) pada tahun 1984 begitu optimis di dalam bidang teknikal hingga membolehkannya menjawat jawatan sebagai Pengarah Bahagian Kejuruteraan pada tahun 2012 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Setiausaha Bandaraya, 20 Januari 2018 lalu.

Mengimbau pembabitan awalnya bersama MBPP, pemegang BSc Kejuruteraan Awam dari *University of Strathclyde*, Glasgow, Scotland tersebut merupakan antara pelajar yang berjaya mendapatkan tajaan Biasiswa MPPP ke luar negara pada tahun 1982.

"Setelah tamat Diploma Kejuruteraan Awam pada tahun 1979, saya mencari pengalaman sebagai Pembantu Teknik di Rancangan Pengairan Muda, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Alor Setar, Kedah dan pada masa sama mencuba nasib memohon biasiswa daripada MPPP.

"Alhamdulillah, hasil daripada biasiswa yang diperoleh, saya meneruskan pengajian di peringkat Ijazah di United Kingdom selama kira-kira dua tahun sebelum pulang dan terus mula berkhidmat bersama-sama MPPP sehingga kini," ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** di pejabatnya baru-baru ini.

Bercerita lanjut, Addnan yang merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Methodist Nibong Tebal sememangnya begitu meminati subjek sains dan matematik sejak di bangku persekolahan hingga menjuruskannya melibatkan diri di dalam bidang kejuruteraan.

"Daripada 11 beradik yang ada, hanya saya seorang menjurus kepada kejuruteraan...minat itu timbul sejak bangku sekolah lagi," ujar ayah kepada seorang cahaya mata berkaitan.

### Tanggungjawab dan cabaran

Disoal berhubung tanggungjawab baharu yang harus digalas, anak jati Sungai Bakap, Nibong Tebal berkenaan memberitahu sememangnya beliau menghadapi cabaran lebih besar kini.

"Jika dahulu ketika menjawat jawatan Pengarah, saya hanya perlu bertanggungjawab dan menjaga satu jabatan sahaja yang terdiri dalam 40 kakitangan... berbanding kini tanggungjawab tersebut semakin berat dan lebih menyeluruh membabitkan 12 jabatan dan tiga sektor MBPP.

"Namun, dengan pengalaman yang ada selama 34 tahun, saya akan cuba buat yang terbaik," ujarnya.

### Pulau Pinang dulu dan kini

Dalam mengorak langkah seiring dengan pembangunan, Pulau Pinang kini semakin terkenal dengan kemasukan pelancong hingga menjadikannya sesak meskipun bukan pada hari cuti umum.

Menurut Addnan, jika dahulu pada era 80-an, kerja-kerja pemangkasan pokok penyelenggaraan jalan mudah dilakukan ekoran keadaan trafik yang lancar, tidak seperti hari ini.

"Dahulu pada tahun 80-an mudah hendak buat kerja atas jalan seperti kerja-kerja pangkas pokok, senggara jalan dan sebagainya, tetapi kini meskipun cuti umum atau hujung minggu keadaan trafik masih sama.

"Negeri mula menerima kemasukan kereta dan pengunjung luar apabila Jambatan Pulau Pinang siap pada ketika itu dengan rekod kira-kira 120,000 kenderaan sehari...kini jumlah tersebut semakin meningkat," katanya sambil tidak menafikan bahawa tanggungjawab MBPP kini adalah lebih mencabar dan besar ekoran Pulau Pinang kian semakin menjadi tumpuan serta terkenal.

### Teras utama, hala tuju MBPP

Matlamat *One Team, One Voice, One Mission* yang digariskan mantan Datuk Bandar, Dato' Maimunah Mohd. Sharif menjadi aspirasi hala tuju utama kepada kepimpinan baharu MBPP dalam memantapkan perkhidmatan kepada warga negeri pulau, Pulau Pinang.

Menurut Addnan, selain mengikuti apa yang telah digariskan, MBPP juga akan memfokuskan kepada lima fokus utama iaitu bersih, hijau, selamat, sihat dan ceria termasuk mengimplementasikan 29 program dan 87 aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun ini.



**IR. Addnan Mohd. Razali.**

"Antaranya bagi memantapkan lagi perkhidmatan pembersihan bandar serta melestarikan perkhidmatan bersih, indah dan hijau.

"Selain itu, MBPP juga akan memperkasakan prasarana lalu lintas yang lebih sistematik, memantapkan keselamatan awam, mengadakan program-program seni, warisan dan rekreasi serta memfokuskan kepada pengasingan sisa di punca.

"Malah, masalah-masalah kesesakan trafik, banjir kilat dan parkir kenderaan akan cuba ditangani," kata beliau.



# Umum dialu sertai Program Kaji Selidik Bajet MBPP 2019

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MBPP**

**SERI DELIMA -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini dalam peringkat kajian penyediaan Bajet 2019 berkonsepkan penglibatan awam.

Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang berkata, ke arah penyediaan sebuah bajet yang lebih menyeluruh dan komprehensif, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan kini giat melaksanakan Program Kaji Selidik Bajet 2019.

"Memandangkan Bajet 2019 dalam peringkat kajian, maka MBPP ingin mendapatkan maklum balas dan penglibatan orang awam supaya suatu bajet lebih menyeluruh dapat disediakan bagi manfaat penduduk Pulau Pinang.

"Pandangan, idea daripada umum dan pemimpin masyarakat akan dijadikan inspirasi dalam merangka pelbagai program yang bakal dilaksanakan kelak," ujarnya pada Program Sesi Dialog Bajet 2019 di sini 3 Februari lalu.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd Razali dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Justeru, Tung Seang menyeru orang ramai untuk turut serta mengemukakan pandangan dan cadangan yang telah bermula kini sehingga 30 April 2018.

"Kita mengharapkan lebih ramai penyertaan awam dalam kaji selidik ini.

"Selain sesi dialog, umum boleh juga mengemukakan cadangan di kaunter Majlis, van bergerak dan secara online di laman sesawang, *www.mbpp.gov.my*," jelas beliau.



**AR. Yew Tung Seang (berkemeja kuning) dan Ong Bee Leng (berselendang kuning) beramah-mesra dengan sebahagian peserta pada Program Sesi Dialog Bajet 2019 di sini baru-baru ini.**

# Peroleh tujuh sijil ISO, MPSP sekali lagi diiktiraf MBOR

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sekali lagi mencipta sejarah apabila berjaya memperoleh satu lagi Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti atau ISO, iaitu Pensijilan Sistem Anti-Bribery sekaligus tersenarai dalam *The Malaysia Book of Records* (MBOR).

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, anugerah kali ini adalah lebih bermakna kerana pengiktirafan diterima bukan sahaja di peringkat PBT (pihak berkuasa tempatan), malah MPSP menjadi organisasi pertama mendapat Sijil ISO daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

"Pencapaian MPSP bukan hanya mendapat pengiktirafan pada aspek kualiti, malah dalam aspek penyediaan program-program juga.

"Sebagai contoh, dalam program I ❤ Penang Run: Seberang Perai 2017, MPSP dan Kerajaan Negeri dinobatkan sebagai penganjur bagi acara sukan *Fun Run* terbesar di Malaysia.



**WAKIL MBOR menyampaikan anugerah kepada Sr. Rozali Mohamud sambil diperhatikan barisan kepimpinan PBT berkaitan di sini baru-baru ini.**

"Selain itu, kita (MPSP) juga menerima Sijil MBOR sempena program Penanaman 3002 batang Pokok Tecoma yang mana MPSP diiktiraf sebagai penganjur bagi '*The Largest Tecoma Tree Planting Event*'," katanya pada Majlis Penyerahan Sijil MBOR di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; wakil daripada MBOR, Siti Hajar Johor dan Ahli-ahli Majlis MPSP.

Rozali berkata, selain Pensijilan, MPSP juga menitik beratkan pengiktirafan rakyat seperti mana disarankan Kerajaan Negeri dengan memperkenalkan konsep yang lebih inklusif.

"Antaranya, kami (MPSP) menyediakan jurubahasa isyarat dalam program-program utama supaya semua warga Seberang Perai terutamanya orang kurang upaya (OKU) dapat sama-sama memahami serta mengikuti kandungan program yang dianjurkan," ujarnya.

Justeru, Rozali menzahirkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan seluruh warga Seberang Perai kerana menunjukkan sokongan yang baik kepada MPSP.

"Saya berharap kerjasama ini dapat diteruskan untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2020," jelasnya.

Terdahulu, MPSP disenaraikan dalam MBOR selepas memperoleh enam Pensijilan ISO, iaitu Sistem Pengurusan Kualiti, Sistem Pengurusan Alam Sekitar, Sistem Pengurusan Tenaga (OHSAS), Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS), Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (QEMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat.

# Alatan SPG, pengguna diseru kembalikan kepada MBPP

**GEORGE TOWN -** Pemegang Alatan Prabayar Parkir (SPG) diminta mengembalikan alatan tersebut kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mulai 6 Februari 2018.

Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang pada sidang media menyatakan, pendekatan tersebut diambil setelah MBPP mendapati terdapat gangguan perkhidmatan melibatkan alatan berkaitan kebelakangan ini.

Menurutnya, masalah tersebut timbul ekoran penamatan kontrak terhadap sebuah syarikat pengurusan letak kereta baru-baru ini.

"Pihak MBPP mengambil perhatian berhubung masalah ini.

"Oleh itu, pengguna yang memiliki alatan SPG diminta tampil mengembalikan semula alatan tersebut dan MBPP akan membuat bayaran tuntutan sewajarnya," ujarnya di sini 6 Februari lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali dan Ahli-ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang serta Gan Ay Ling.

Mengulas lanjut, Tung Seang memberitahu, setiap alatan SPG yang dikembalikan semula kepada MBPP akan menerima bayaran semula sebanyak RM25 bagi deposit alatan berkenaan.

"Manakala, baki kad prabayar di bawah RM50 turut akan dibayar semula secara terus setelah pengguna menandatangani surat akuan penerimaan," jelasnya.

Menurut Tung Seang, pengembalian alatan tersebut boleh dilakukan sehingga 31 Mac ini.

"Alatan tersebut perlu dikembalikan ke Pusat Bayaran Setempat, Jalan Padang Kota Lama mengikut hari dan masa ditetapkan," ujarnya.

Maklumat berkenaan adalah seperti berikut:

**Isnin hingga Khamis**
8.30 pagi - 12.30 tengah hari;
2 petang - 4.30 petang
**Jumaat**
8.30 pagi - 12.15 tengah hari ;
2.45 petang - 4.30 petang.

# Kos CCTV berteknologi tinggi MBPP relevan, respons Exco

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Kos pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) yang dilaksanakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sangat relevan, kata Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan pihak yang sebelum ini mempersoalkan mengapa kos pemasangan 216 unit CCTV oleh MBPP adalah jauh lebih tinggi berbanding 1,500 unit (CCTV) yang dipasang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membabitkan 48 Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Kon Yeow berkata, kos berjumlah RM12,896,888 yang dikeluarkan MBPP bukan hanya melibatkan pemasangan, tetapi termasuk juga kos penyelenggaraan komprehensif bagi semua peralatan di tapak dan empat pusat kawalan selama lima tahun termasuk latihan kakitangan.

"Kita tidak boleh menilai kos pemasangan dengan hanya melihat CCTV yang dipasang tanpa mengambil kira fakta sebenar.

"Kita perlu juga mengambil kira soal lokasi CCTV itu dipasang, apakah fungsi yang ada pada CCTV, berapa bilik kawalan yang ada, dan penyelengaraan lain yang merupakan kos sebenar," katanya pada sidang media di Bilik CCTV MBPP di sini 7 Februari lalu.

Turut hadir, Datuk Bandar, Ar. Yew Tung Seang; Jurutera Lalulintas, Tuti Azmalia Azai dan pegawai penguatkuasa MBPP.

Namun, tambah Kon Yeow, jika pihak berkaitan mahu melakukan perbandingan, beliau harus melihat kepada kos yang dikeluarkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang jauh lebih tinggi, iaitu RM5.05 juta bagi pemasangan 32 unit CCTV.

"Ia lebih mahal berbanding kos dikeluarkan MBPP, sedangkan KPKT hanya menggunakan khidmat sewa yang sepatutnya lebih murah.

"Dia (pihak berkaitan) sepatutnya minta KPKT jelaskan perkara ini dahulu sebelum menuding jari kepada MBPP," ujarnya.

Sementara itu, Tung Seang menjelaskan, CCTV yang dipasang MBPP adalah berteknologi tinggi termasuk perisian yang telah dinaik taraf dengan empat bilik kawalan yang lebih canggih.



**CHOW Kon Yeow (kiri) dan Ar. Yew Tung Seang sedang memerhatikan visual yang dirakam CCTV dekat Bilik CCTV MBPP di sini baru-baru ini.**

"CCTV yang dipasang DBKL hanya tertumpu kepada perumahan PPR sahaja, berbeza dengan MBPP yang bertujuan untuk mengawal jalan raya yang mana ia telah diselaraskan dengan fungsi peranan *video analytics* yang akan digunakan sebagai data utama.

"CCTV ini mempunyai kekuatan yang boleh dikembangkan pada masa akan datang dan lebih penting akan kekal menjadi milik MBPP," jelasnya.

Sebagai rekod, MBPP kini sedang dalam proses pemasangan CCTV Fasa lima sebanyak 200 unit dengan kos RM11,554,571.72 yang dijangka siap pada penghujung Mac 2018.

# *LinkBike* setahun, bakal tambah stesen BBS

**GEORGE TOWN –** Kewujudan sistem perkongsian basikal (BSS) atau *LinkBike* di Pulau Pinang setahun lalu telah memberikan satu mod pengangkutan alternatif di negeri ini dengan menggunakan basikal untuk bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain.

Menurut Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang, pengenalan *LinkBike* adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dan MBPP dalam menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri yang lebih bersih,lebih hijau, lebih sihat dan lebih selamat.

"Permintaan (*LinkBike*) daripada orang ramai juga semakin meningkat dan difahamkan, pihak pengendali *LinkBike* iaitu Fast Rent Bike (Penang) Sdn. Bhd. akan menambah lagi stesen BBS ini seperti di Bayan Baru dan Pulau Tikus.

"(Dan) tahniah kepada pihak pengendali kerana menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang kini kian digemari sama ada penduduk Pulau Pinang sendiri mahupun pengunjung luar," ujarnya yang ditemui pada pembukaan meraikan setahun pengoperasian BBS *LinkBike* di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Ken Yeoh selaku Pengerusi Fast Rent Bike (Penang) Sdn. Bhd. berkata, penggunaan *LinkBike* secara tidak langsung telah menjimatkan kira-kira 15,886 liter petrol dan 19.3 tan gas karbon dioksida

"Malah, *LinkBike* berjaya menarik kira-kira 30,107 pengguna di 61 negara dengan rekod penggunaan sebanyak 33,806 kali.

"Dalam tempoh setahun, Pulau Pinang berjaya mencatatkan 148,465 kilometer perjalanan dan secara tidak langsung menjimatkan penggunaan petrol serta penghasilan gas karbon dioksida," katanya yang turut menyertai kira-kira 200 peserta lain berkayuh basikal mengelilingi George Town menggunakan *LinkBike*.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali.



**AR. Yew Tung Seang (hadapan, tiga dari kanan) merakam gambar kenangan sebagai meraikan setahun pengoperasian *LinkBike* di sini baru-baru ini.**

# Umum diseru bersama-sama jaga kemudahan rekreasi Bukit Jambul

**BATU UBAN -** Hasil pertemuan sehari bersama-sama pihak berkepentingan, tandas awam di laluan pendakian ke puncak Bukit Jambul kembali berfungsi dan sebahagian jalan ke kaki bukit turut diturap semula.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan komuniti Kelab Pendaki Bukit Jambul duduk semeja pada 5 Februari lalu bagi mencari penyelesaian terhadap beberapa permasalahan yang timbul sebelum ini.

Perbincangan dipengerusikan Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang antara lain memberikan fokus terhadap fungsi tandas awam di tengah laluan pendakian ke Bukit Jambul yang sebelum ini menjadi rungutan orang ramai.

"Saya difahamkan PBAPP akan memulihkan semula bekalan air sejurus menggantikan peralatan yang dipercayai dicuri pihak tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan kesulitan kepada pendaki di kawasan ini termasuk menurap jalan ke kaki bukit.

"Oleh itu, saya ingin menasihati agar (orang ramai) menjaga kemudahan yang ada di kawasan rekreasi ini untuk kepentingan semua, mereka juga boleh menjadi 'mata dan telinga' bagi memantau jika ada cubaan merosakkan kemudahan di sini," katanya pada sesi perbincangan berkaitan baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha; wakil PBAPP, Mohd. Nasir Noordin; wakil PDC dan Presiden Kelab Pendaki Bukit Jambul, Heng Yak Hoi.

Difahamkan permasalahan kerap timbul apabila kemudahan awam di Bukit Jambul dicuri melibatkan pam air, kabel elektrik dan kecurian-kecurian lain.

Pada sesi pertemuan tersebut, perbincangan berkenaan penambahbaikan laluan ke kawasan puncak dan dewan kelab turut dibincangkan demi keselesaan orang ramai untuk beriadah di sini.

# Lebih banyak laluan pejalan kaki bakal dinaik taraf, umum ADUN

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **WONG BOON FOEI**

**GEORGE TOWN -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal menaik taraf lima lagi laluan pejalan kaki di sini pada tahun ini, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Beliau berkata, kerja-kerja menaik taraf tersebut adalah melibatkan penyambungan laluan pejalan kaki untuk menghubungkan kawasan-kawasan di dalam bandar dengan kos berjumlah RM1.4 juta.

"MBPP akan membelanjakan RM1.4 juta untuk menaik taraf lima laluan bagi menjadikan ia selamat kepada pejalan kaki terutamanya kepada orang kurang upaya (OKU) cacat penglihatan," katanya semasa lawatannya ke Jalan Penang 8 Februari lalu.

Menurut Lai Heng, MBPP juga telah membelanjakan RM2.5 juta untuk menaik taraf 14 laluan pejalan kaki di sini pada tahun lepas, dengan projek siap sepenuhnya dari Masjid Simpang Enam ke Jalan Burma pada 28 Januari lalu.

"Laluan 400 meter (m) itu disiapkan mengikut jadual selama enam bulan dengan kos RM330,000. Longkang telah ditutup dan sebahagian besar laluan pejalan kaki dibina menggunakan '*eurotiles*'.

"Laluan pejalan kaki di Jalan Penang dan Jalan Lingkaran Tengah Penang telah dinaik taraf kira-kira 10 tahun lalu. Kini, kami menaik taraf laluan pejalan kaki untuk menghubungkannya dengan apa yang boleh kita panggil Jalan Raya Pulau Pinang," jelasnya.

Dalam pada itu, Lai Heng turut menyatakan bahawa 11 kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang di jejantas berhampiran Komtar atau lebih dikenali sebagai Jejantas Octopus, yang menghubungkan Jalan Penang, Jalan Burma, Jalan Dr. Lim Chwee Leong dan Komtar Walk.

"Jalan-jalan ini dihubungkan dengan bilik kawalan utamanya di Komtar.

"Malah, lif turut dipasang di Jejantas Octopus, dan sekiranya terdapat sebarang masalah pengguna boleh menghubungi MBPP di talian 04 - 263 7637," jelasnya.





**RUPA bentuk laluan pejalan kaki sedia ada dan Jejantas Octopus.**


TROPICANA
218 Macalister
PENANG
A VIBRANCY REFRESHED




KEHIDUPAN GAYA HIDUP BAHARU
Berpusat di Georgetown




Suite Komersil Neo • Kediaman Berservis • Lot Runcit Butik

Tropicana Macalister Avenue (Penang) Sdn Bhd (1001150-W)
No. 16, Jalan Anson, 10400 Georgetown, Penang
No. Lesen Permaju: 13352-1/06-2018/01586(L) • Tempoh Sah: 08/06/2017 - 07/06/2018 • No. Permit Iklan: 13352-1/06-2018/01586(P) • Tempoh Sah: 08/06/2017 - 07/06/2018 • Pegangan Tanah: Hak Milik Kekal • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/OSC/P-B(8039)/15 • Tarikh Jangka Siap: January 2018 • Bebanan Tanah : HSBC Bank Malaysia Berhad• Jumlah unit: 88 unit • Harga: RM 1,043,900 (Min) - RM 2,025,400 (Max) • Kawasana Terbina: 683 kps (Min) - 1,299 kps (Mak) • Jenis Bangunan: Kediaman Berservis • 5% Diskaun Bumiputera

04 - 210 5888
tropicana218macalister.com.my

A member of TROPICANA CORPORATION BERHAD

# Teruskan tradisi, ADUN Pantai Jerejak edar limau sempena Tahun Baru Cina

Teks & Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**TRADISI....** Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pantai Jerejak mengedarkan hampir 50 kotak limau mandarin kepada para pengunjung dan peniaga dekat Pasar Awam Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, program mengedar buah limau tersebut sudah menjadi tradisi setiap tahun menjelang sambutan Tahun Baru Cina.

Dalam pada itu, mengambil contoh 'tahun anjing' iaitu haiwan yang bersifat setia kepada tuan yang menjaganya, Mohd. Rashid yang juga Timbalan Ketua Menteri I berharap tahun ini akan membawa lebih kemakmuran, dan rakyat akan kekal setia bersama Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada pilihan raya kelak.

"Kita harap rakyat bijak menilai apa yang telah dilakukan Kerajaan Negeri dan pemimpin di kawasan masing-masing selama diberikan mandat," ujarnya.



**MOHD. Rashid Hasnon (berkemeja putih) menyantuni sambil memberikan limau mandarin kepada beberapa pengunjung Pasar Awam Bayan Baru di sini baru-baru ini.**

## Rumah Terbuka Tahun Baru Cina ADUN Penanti rai golongan terpilih

**MERAIKAN...** Seramai 300 penduduk diraikan dalam Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti dan lapan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat di sini baru-baru ini.

ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin berkata, objektif penganjuran majlis itu adalah sebagai menggantikan program ziarah dari rumah ke rumah yang dilaksanakan sejak tahun 2014.

"Sejak tahun 2014 kita laksanakan program ziarah dari rumah ke rumah bagi mengenal pasti rakyat kurang mampu yang memerlukan bantuan.

"Diharap dengan sumbangan ini, ia sedikit-sebanyak membawa keceriaan kepada para penerima," ujarnya ketika ditemui di perkarangan Pejabat Pusat Khidmat ADUN Penanti dekat Jalan Tanah Liat, Kubang Semang.

Selain menerima angpau dan hamper berupakan makanan keperluan, mereka yang diraikan turut dihiburkan dengan pertunjukan tarian singa oleh Persatuan Tarian Singa Jong Hwa, Bukit Mertajam dan persembahan tulisan kaligrafi Cina.



**DR. Norlela Ariffin (bertudung ungu) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di sini baru-baru ini.**





10 Tahun
KERAJAAN PAKATAN PULAU PINANG
(2008-2018)
PROGRAM - PROGRAM EMAS
KERAJAAN NEGERI PAKATAN HARAPAN PULAU PINANG
PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS
RM130 tahunan
PROGRAM BANTUAN OKU
RM130 tahunan
PROGRAM IBU TUNGGAL
RM100 tahunan
PROGRAM ANAK EMAS
RM200 'one-off'
PROGRAM PELAJAR EMAS
RM100 'one-off'
PROGRAM IBU EMAS
RM100 tahunan
SUMBANGAN PUKAT
2 kali setahun
TAXI
INSENTIF PEMANDU TEKSI & OPERATOR BAS SEKOLAH
RM600 setahun
INSENTIF PENARIK BECA
RM100 sebulan
PENGURUSAN JENAZAH /
KHAIRAT KEMATIAN WARGA EMAS & IBU TUNGGAL
RM1,000
'one-off'
I ❤ PENANG
KAD PINTAR
untuk semua rakyat Pulau Pinang
INSENTIF TUNAI RM300 / tahunan
untuk ibu berkerjaya, mempunyai anak 6 tahun & ke bawah.
RM1,000 'one-off' untuk pelajar IPT awam & swasta terpilih
RM1,200 untuk pelajar IPT di Sabah & Sarawak
PELAJAR VOKASIONAL TEMPATAN
terima RM300 secara 'one-off'